AKHBAR RASMI KERAJAAN * NEGARA BRUNEI DARUSSALAM *

قليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 32 BILANGAN 25 | RABU 24 JUN, 1987. | 1407 رابو 26 شوال | PERCUMA

## Penyelesaian Kampuchea

# Soviet Union perlu dipujuk guna pengaruh ke atas Vietnam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Soviet Union perlu dipujuk untuk menggunakan pengaruhnya ke atas Vietnam bagi menyelesaikan masalah Kampuchea dengan mengajak Vietnam ke meja perundingan.

Saranan tersebut disuarakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika bersabda di Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN kali ke-20 yang dilangsungkan di Republik Singapura minggu lalu.

Menurut Duli Yang Teramat Mulia, masalah Kampuchea telah menjadikan jumlah pelarian bertambah banyak. Perkara ini bukan saja menimbulkan masalah ekonomi kepada negara-negara yang menerima mereka bahkan mewujudkan kegelisahan di kalangan orang tempatan.

"Kami merasa, langkah yang diambil oleh negara-negara asal orang pelarian itu dalam membendung hal ini belum mencukupi. Sementara negara-negara anggota ASEAN bersedia menerima orang-orang pelarian itu sebelum dihantar ke negara ketiga. Orang-orang pelarian yang kurang terkawal telah menambah beban kepada negara-negara penerima. Oleh itu kami meminta negara-negara asal orang-orang pelarian mengambil

Lihat muka 20




DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN kali ke-20 di Republik Singapura baru-baru ini. — Gambar oleh Pg. Bahar Pg. Haji Omar.

## Hubungan ekonomi antarabangsa agak sulit:

# Jadikan ASEAN kawasan menarik bagi pelabur

**BANDAR SERI BEGAWAN. — ASEAN harus mengubahsuai dirinya dan menjadikan kawasan menarik bagi pelabur-pelabur dari negara-negara industri.**

Di samping itu negara-negara ASEAN juga harus menumpukan perhatian dalam melobi agar hasil barangan dapat dipasarkan ke negara-negara industri.

Perkara ini perlu diambil perhatian berikutan hubungan ekonomi antarabangsa agak sulit di tahun lalu walaupun ada negara anggota berkeupayaan mengatasinya dibanding dengan yang lain.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri menegaskan sikap perlindungan yang diamalkan oleh negara-negara industri dan ketegangan ekonomi antara Amerika Syarikat dan Jepun sungguh membimbangkan.

"Kita harus mengubahsuai agar ASEAN dijadikan kawasan menarik bagi pelabur-pelabur dari negara-negara industri. Kita bertindak secara bersatu bagi menghadapi cabaran-cabaran ekonomi di masa akan datang," sabda Duli Yang Teramat Mulia dalam Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN kali ke-20 yang berlangsung di Republik Singapura baru-baru ini.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda, sejak penubuhan ASEAN 1967 banyak kejayaan telah dicapai dalam pelbagai bidang. Kemantapan politik ASEAN telah meyakinkan pertumbuhan ekonomi kepada semua negara anggota.

Berikutan tidak ada masa yang mencukupi bagi semua negara anggota mensesuaikannya dalam kerjasama ekonomi, Duli Yang Teramat Mulia menyarankan agar sesebuah negara anggota harus sensitif terhadap kemampuan negara anggota yang lain dalam menerima cadangan-cadangan ekonomi.

Lihat muka 20

### MANISNYA IMAN

**"BUKANLAH termasuk pendusta, orang yang mendamaikan di antara sesama manusia, dia mengatakan yang baik dan menumbuhkan yang baik." — Hadis Nabi riwayat Muslim dari Ummu Kalsum.**

### PETIKAN TITAH

**"Semestinyalah pihak swasta di negara ini akan dapat menyiapkan kerja-kerja yang diberikan mengikut jangka waktu yang ditetapkan dan dibuat dengan sempurna serta perasaan penuh jujur dan amanah bukannya semata-mata untuk mendapatkan keuntungan."**

*Dititahkan sempena Hari Kebangsaan yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei pada 22 Februari, 1987.*

## Piala M'sia: Kita kutip satu lagi mata

KOTA KINABALU. — Brunei Darussalam seri dengan Sabah tanpa jaringan dalam perlawanan bolasepak Piala Malaysia yang telah dilangsungkan di Stadium Likas di sini pada petang Isnin lepas.

Dengan kedudukan itu, pasukan negara kita kini mempunyai dua mata setelah kita seri dengan Trengganu pada minggu lalu.

Perlawanan pasukan kita seterusnya menentang Johor di Stadium Larkin pada 28 Jun dan Melaka di Stadium Kubu pada 30 Jun.

**Jadilah Masyarakat Berdisiplin Dengan Memantuni Kemudahan Awam**

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

فليتا بروني

Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

24 JUN, 1987

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## PENGLIBATAN BRUNEI DARUSSALAM DALAM ASEAN

NEGARA Brunei Darussalam diterima menjadi anggota ASEAN yang keenam seminggu setelah kita mengambil alih semula tanggungjawab antarabangsa sebagai sebuah negara yang merdeka lagi penuh berdaulat. Bersama dengan negara anggota yang lain, kita turut aktif melibatkan diri dalam pelbagai bidang kerjasama bagi memastikan kejayaan dan kemantapan ASEAN sebagai pertubuhan serantau.

Jalinan kerjasama ASEAN bukan sahaja tertumpu kepada bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan bahkan juga bersatu dalam menyatakan kesepakatan bersama mengenai dengan isu-isu politik antarabangsa. Kita bertambah yakin dan matang atas kemampuan kita meskipun disedari bilangan penduduk kita begitu terhad berbanding dengan tenaga manusia negara anggota ASEAN yang lain.

Keterbatasan kita dalam banyak hal tidak menghalang kita untuk terus memikul tanggungjawab bersama. Ia adalah cabaran yang positif kepada setiap rakyat dan penduduk negara kita ini untuk terus meningkatkan kesedaran hakiki dalam hidup bernegara dan berbangsa di tengah percaturan politik sejagat.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Brunei Darussalam bersabda ASEAN bergerak lambat tapi meyakinkan. Isu-isu diperbincangkan secara mendalam sebelum keputusan diambil. Sabda ini ditekankan ketika menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN ke-20 yang diadakan di Singapura baru-baru ini.

Ketetapan-ketetapan yang diambil oleh ASEAN begitu lambat, dakwa beberapa buah negara tetapi kelambatan dalam mengambil keputusan itulah yang membuktikan kejayaan ASEAN. Kita lambat tapi teliti dan setelah dikaji daripada pelbagai sudut. Lalu ASEAN hanya bergerak dan bertindak bila ketetapan-ketetapan itu disokong oleh semua negara anggota.

Program-program bersama ASEAN dalam kerjasama politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan adalah berasaskan kepada Deklarasi Bangkok lalu dikuatkan dengan ketetapan sidang puncak di Bali yang ingin menjadikan Asia Tenggara sebagai kawasan aman, bebas dan berkecuali.

Hubungan ekonomi antarabangsa menemui pelbagai kesulitan di tahun-tahun lalu tetapi ada negara anggota ASEAN yang berkemampuan mengatasinya. Dalam hal ini, sesebuah negara anggota harus bersikap sensitif terhadap kemampuan negara anggota yang lain dalam menerima gagasan-gagasan ekonomi. Beri masa yang mencukupi bagi semua negara anggota menyesuaikannya. Hanya dengan adanya sokongan yang bulat lagi kental dari semua negara anggota makanya kerjasama ekonomi akan dapat dinikmati dengan jayanya.

Janganlah hendaknya ASEAN cuma menumpukan kepada yang perlu tetapi haruslah berusaha untuk mencuba apa yang mungkin dalam kerjasama ekonomi ini. Kerana itu, rakan-rakan dialog ASEAN sangat dialu-alukan agar mereka mengamalkan sistem dagangan yang terbuka dan tidak mengamalkan dasar perlindungan. Kita juga inginkan hasil barangan ASEAN dapat dipasarkan ke negara-negara industri dengan mengambil kira akan kepentingan bersama.

Dalam hal ini, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah bersabda kita harus menumpukan penuh perhatian dalam melobi agar hasil barangan kita dapat dipasarkan ke negara-negara industri.

ASEAN disarankan agar mencari pendekatan-pendekatan yang bersesuaian untuk menjadikannya sebagai kawasan bagi menarik minat pelabur dari negara-negara industri. Kerana itu, ASEAN perlu bertindak secara bersatu bagi menghadapi tentangan-tentangan ekonomi pada masa-masa akan datang. Hanya dengan bersatu dan bersepakat, kita bertambah kuat serta dihormati.

Kemantapan politik ASEAN sejak ia ditubuhkan telah memungkinkan negara-negara anggota berkembang dan maju dalam pelbagai bidang terutama dalam pertumbuhan ekonominya tetapi ini bukanlah jaminan yang konkrit kepada generasi akan datang untuk mereka merasa komited terhadap ASEAN seperti yang dirasakan oleh generasi pemimpin-pemimpin terdahulu dan sekarang.

Kita menyarankan agar ASEAN mewujudkan satu deklarasi dan program yang komprehensif dalam menyalurkan tenaga-tenaga belia yang bakal jadi pelapis pemimpin bagi menguatkan dan mengentalkan komitmen mereka terhadap ASEAN sebagai kawasan yang aman, bebas dan berkecuali.

## Walaupun ASEAN bergerak agak lambat:

# KEJAYAAN YANG DICAPAI SANGAT MEYAKINKAN



SABDA penuh kenyataan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam dalam Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN kali ke-20 di Republik Singapura pada 15 — 16 Jun, 1987.

TUAN Pengerusi,

Saya sukacita mengucapkan tahniah atas lantikan tuan sebulat suara selaku pengerusi Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN ke-20. Atas kebijaksanaan tuan mempengerusikan, saya yakin, persidangan tahunan ini akan berhasil. Ucapan tahniah juga ditujukan kepada Tuan Yang Terutama Tuan Siddhi Savetsila, Menteri Luar Thailand, atas lantikannya selaku naib pengerusi mesyuarat ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyatakan penghargaan terhadap ucapan pembukaan yang bernas dan penuh dengan pemikiran yang diucapkan oleh Tuan Yang Terutama Tuan Lee Kuan Yew, Perdana Menteri Republik Singapura, yang memberikan panduan berharga dalam perundingan-perundingan kami.

Saya bersama pengerusi juga mengalu-alukan kehadiran Tuan Raffeuddin Ahmad ke mesyuarat ini selaku wakil khas Setiausaha Agung Hal Ehwal Kemanusiaan bagi Bangsa-Bangsa Bersatu.

Tuan Pengerusi, sidang puncak sudah hampir tiba, saya beranggapan kita perlu mengingat 'Deklarasi Condord ASEAN' dan 'Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama' yang telah dipersetujui bersama sebelas tahun yang lalu dan kemajuan yang telah dicapai sejak itu. Dua dokumen mustahak ini mengandungi program-program tindakan bersama ASEAN dalam bidang politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan. Ia membentuk asas dan strategi bagi pencapaian pemikiran yang terkandung dalam Deklarasi Bangkok. Dalam sidang puncak kedua di Kuala Lumpur tahun 1977, para pemimpin telah menilai perkembangan dan kemajuan sejak sidang puncak Bali diadakan. Mereka menumpukan penuh perhatian terhadap kesepakatan untuk menjadikan Asia Tenggara sebagai kawasan aman, bebas dan berkecuali. Sepuluh tahun sudah berlalu sejak para pemimpin bertemu di Kuala Lumpur. Sekarang kesesuaian masanya sudah tiba bagi para pemimpin bertemu kembali untuk memberi semangat dan panduan-panduan seperlunya demi kejayaan pertubuhan ini di masa akan datang seperti yang telah dilakukan di masa lalu.

Kita mesti berusaha bagi mempastikan kejayaan sidang puncak ketiga, seperti halnya kedua-dua sidang puncak yang lalu. Kita harus meneliti idealisma dan program-program hasil kedua-dua sidang puncak itu dan mengkaji jika masih bersesuaian sekarang. Kita perlu menilai secara kritikal jika jentera pergerakan ASEAN mencukupi dalam melaksanakan program-program yang dipersetujui.

Banyak orang menyarankan agar jalinan ASEAN dalam kerjasama ekonomi dijadikan tajuk utama untuk sidang puncak yang akan datang ini. Saya memang bersetuju meskipun masih ada isu-isu yang boleh dipertimbangkan umpamanya ke arah mana matlamat ASEAN ini dibawa seperti yang saya ucapkan. Saya akan kembali kepada perkara-perkara lain nanti. Tambahan itu, saya merasa seseorang itu harus bersikap realistik. ASEAN bergerak lambat tapi meyakinkan. Isu-isu dibincangkan secara mendalam sebelum keputusan diambil.

Ada beberapa negara berkata ketetapan-ketetapan ASEAN begitu lambat. Walau bagaimanapun, kelambatan mengambil keputusan ini telah membuktikan kejayaan ASEAN. Kita bergerak bila semua sudah bersedia. Dengan cara ini, tindakan itu disokong oleh semua negara-negara anggota.

Dalam kerjasama ekonomi, tidak ada keraguan untuk memberi masa yang mencukupi bagi semua negara anggota mensesuaikannya. Sesebuah negara anggota harus sensitif terhadap kemampuan negara anggota yang lain dalam menerima cadangan-cadangan ekonomi. Hanya dengan sokongan yang penuh dari semua negara anggota kerjasama ekonomi berhasil. Kita jangan hanya menumpukan apa yang perlu dalam kerjasama ekonomi tapi juga mencuba apa yang mungkin.

Kita harus juga meninjau kaji kerjasama ekonomi dengan rakan dialog dan negara-negara lain. Kita harus menyelaraskan dan menekankan usaha-usaha yang banyak terhadap pengluasan pemasaran, dan sikap liberalisasi dalam penanaman modal dan perdagangan. Mekanisamnya perlu dilihat jika mampu mengatasi masalah-masalah. Jika tidak, mekanisam itu perlu ditingkatkan.

Hubungan ekonomi antarabangsa agak sulit di tahun lalu walau ada negara anggota berkeupayaan mengatasinya dibanding dengan yang lain. Sikap perlindungan yang diamalkan oleh negara-negara industri dan ketegangan ekonomi antara Amerika Syarikat dengan Jepun sungguh membimbangkan. Kita harus menumpukan penuh perhatian dalam melobi agar hasil barangan kita dapat dipasarkan ke negara-negara industri. Kita harus mengubahsuai agar ASEAN dijadikan kawasan menarik bagi pelabur-pelabur dari negara-negara industri. Kita bertindak secara bersatu bagi menghadapi cabaran-cabaran ekonomi di masa akan datang.

Tuan Pengerusi, sejak penubuhan ASEAN banyak kejayaan telah dicapai dalam pelbagai bidang. Kemantapan politik ASEAN sejak 1967 telah meyakinkan pertumbuhan ekonomi kepada semua negara anggota. Soalnya sekarang: Bagaimana kemantapan politik ini dapat dipertahankan sehingga dua puluh tahun yang akan datang dan tahun-tahun selepas itu?

Generasi pemimpin-pemimpin terdahulu dan hari ini memang komited kepada ASEAN. Mereka telah menempuh kesulitan-kesulitan dan mendapati keunggulan ASEAN sebagai suatu pertubuhan. Sama ada generasi atau pemimpin akan datang merasa komited kepada ASEAN masih belum diketahui. Saya percaya, begitu mustahak untuk sidang puncak memberi keyakinan agar rasa komited kepada ASEAN ini dilanjutkan kepada generasi akan [illegible]. Para belia dan generasi [illegible] datang tidak pernah [illegible] puh kesulitan [illegible] ketidakmantapan [illegible] rantau ini. Mungkin [illegible] tidak [illegible] sumbangan-sumbangan ASEAN yang [illegible] kepada belia, [illegible] sekolah, universiti-[illegible] pertubuhan awam [illegible] swasta dan perkhidmatan awam. Kita mesti mewujudkan satu deklarasi dan program yang komprehensif dalam menyalurkan [illegible] tenaga belia bagi [illegible] komitmen mereka [illegible] ASEAN.

Meskipun perbincangan ekonomi nanti [illegible] sidangan, perkara-perkara sosial dan politik di [illegible] arah tujuan ASEAN janganlah diketepikan.

Tuan Pengerusi, [illegible] Kampuchea masih [illegible] kita. Seperti yang [illegible] ketahui, sejak pertemuan [illegible] yang terakhir banyak [illegible] telah berlaku. Umpamanya pertukaran kepimpinan [illegible] Vietnam dengan [illegible] pemimpin baru [illegible] perhatian pada [illegible] ekonomi. Soviet [illegible] menunjukkan minat [illegible] kawasan Pasifik dan [illegible] menghantar Menteri Luar [illegible] melawat Indonesia [illegible] Thailand. Menteri Luar Thailand pula telah [illegible] Soviet Union dan [illegible] melawat semua negara anggota ASEAN. [illegible] aktiviti ini banyak, [illegible] yang konkrit tidak [illegible] Walau macam mana [illegible] merasa bahawa [illegible] perkara yang diperoleh [illegible] persidangan ini tidak [illegible] menghilangkan [illegible] dalam memecahkan masalah politik Kampuchea yang [illegible] ditekankan oleh semua [illegible] Kita patut bersungguh-sungguh [illegible] mendorong langkah [illegible] fleksibiliti. Saranan ASEAN dalam perjumpaan [illegible] boleh dijadikan [illegible] dingan. Saya merasa [illegible] adalah peluang baik [illegible] mendorong pemimpin [illegible] pemimpin Vietnam [illegible] memahami bahawa [illegible] tenteraan bukanlah [illegible] mengatasi persoalan [illegible] perlu meyakinkan Vietnam [illegible] sebaik sahaja masalah [illegible] diselesaikan. ASEAN [illegible] menawarkan [illegible] sahabatan. Kita perlu [illegible] juk Soviet Union untuk [illegible] gunakan pengaruhnya [illegible] Vietnam agar Vietnam [illegible] diajak ke meja perundingan [illegible] dalam mengatasi [illegible] Kampuchea.

Lihat muka 7

# Hari Terbuka Sempena Ulang Tahun ABDB ke-26 di Tutong



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu bin Pengiran Dato Penghulu Haji Apong ketika menyaksikan peralatan angkatan tentera yang dipamerkan pada hari tersebut.



YANG Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu selaku tetamu kehormat menekan suis bagi menandakan hari terbuka sempena ulang tahun ABDB ke-26 tahun di Daerah Tutong.

Liputan Abd. Karim HAB

Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO

TUTONG. — Hari Terbuka Ulang Tahun ke-26 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di daerah ini yang diadakan pada hari Ahad, 21 Jun lepas menerima sambutan hangat dari orang ramai terutama golongan belia.

Pelbagai acara dan pertunjukan sebagaimana yang diadakan di ketiga daerah sebelum ini telah diadakan di kawasan Padang Tembak Tempur Binturan meliputi pertunjukan payung terjun dan 14 penerjun payung ABDB, pertunjukan menembak menggunakan senjata berat dan ringan serta pameran peralatan senjata dan kelengkapan tentera termasuk pakaian.

Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong telah menjadi tetamu kehormat di hari terbuka itu.

Pertunjukan itu disertai oleh pelbagai Unit ABDB terdiri dari Tentera Laut, Skuadron Kereta Perisai, Tentera Udara, Skuadron Jentera Tempur, Bateri Pertahanan Udara, Bengkel Penanjong dan Pasukan Pengambilan.





SALAH seorang kanak-kanak asyek memerhatikan mesin teleprinter yang dipamerkan pada hari itu (atas) sementara gambar bawah kelihatan dua buah kereta kebal mempertunjukan persembahan dalam perang olok-olok.

KELIHATAN kanak-kanak dengan riang gembira menyaksikan peralatan pasukan angkatan bersenjata kita (atas). Sementara gambar kiri pula kelihatan pasukan payung terjun ABDB memperlihatkan ketangkasan mereka.





YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-386

# RIBA DAN INTERES

## Faedah yang diambil dari menghutang dan menyimpan wang di bank: (Siri keempat)



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abd. Aziz, Mufti Kerajaan.

ADAPUN As-Syed Ridha (yang hidup tahun 1282 sehingga tahun 1354 Hijrah), dia telah memenatkan dirinya pada menolak perkara riba dan dia tidak dapat hendak berkata terang-terang bahawa faedah itu halal dalam ugama Islam. Hanya ia dapat berkata Riba An-Nasiiah itu diharamkan dengan nas Al-Quran. Pada menjawab fikirannya itu: Maka riba Al-Fadhli pun telah diharamkan oleh Rasulullah dan Sunah Rasulullah itu suatu sumber yang kedua lepas Al-Quran pada dibuat dalil. Dan hutang dengan faedah itu termasuk di bawah Riba An-Nasiiah pada kebanyakan ulama dan dia berpendapat masuk di bawah Riba Al-Fadhli. Tamat katanya.

Berkata Al-Imam Ibnu Qudaamah yang hidup tahun 541 — 629 Hijrah dalam Al-Mughni Al-Hanbali: Tiap-tiap hutang yang bersyarat padanya lebih adalah ia haram dengan tiada khilaf ulama padanya. Berkata Ibnu Al-Mundzir: Ulama Islam telah ijmak bahawa orang yang menghutangkan apabila ia bersyarat dengan orang yang berhutang bayar lebih atau diberi hadiah, maka ia menghutangkan dengan syarat yang demikian maka mengambil lebih dari kadar hutang itu adalah ia riba. Berkata Al-Imam Ibnu Hurbairah Al-Hanbali yang meninggal dunia tahun 560 Hijrah dalam kitabnya Al-Ifsaah: Imam-imam mazhab yang empat telah bersalah-salahan pendapat dalam perkara orang menghutangkan orang, adakah harus ia mengambil faedah daripada pihaknya dengan sesuatu faedah, yang tiada biasa berlaku pada adat. Berkata Al-Imam Al-Imam Abu Hanifah, Malik dan Ahmad tiadalah harus bahkan ia haram. Dan berkata Ash-Shafi'ei: Apabila tiada bersyarat maka harus ia mengambil faedah. Imam-imam yang empat telah ittifak dan sekata haram pada mengambil faedah bila ada bersyarat dan tiadalah halal dan tiadalah harus sama sekali.

Berkata Al-Imam Ibnu Hajar dalam Az-Zawaajir: Tiap-tiap satu dari riba yang empat jenis (riba Al-Fadhli, riba Al-Yadi, riba An-Nasaaei dan riba Al-Qardi, katanya sebenarnya riba Al-Qardi masuk di bawah riba Al-Fadhli), semuanya itu haram dengan ijmak ulama Islam dengan nas ayat Al-Quran yang telah tersebut dan dengan nas hadis-hadis yang akan datang, dan segala apa yang datang dari amaran dalam perkara riba itu mengandungi amaran itu dalam empat-empat bahagian riba itu.

Kata Ash-Shaikh Al-'Alaa: Ash Shaikh Rashid dan dan alim, orang India yang bertanya fatwa perkara riba daripadanya, kedua-duanya tiada dapat hendak berkata bahawa Hadis Kullu Qurdin Jarrin manfa'ati fahuwa riba itu adalah lemah. Dari sebab itu kata Ash-Shaikh Rashid pada menentukan darurat itu tertentu kepada Ulil Amri umat Islam (berkata Al-Imam Ibnu Hajar): Hadis Kullu Qurdin Jarrin manfa'ati fahuwa riba itu hadis dhaif dan berkata Al-Imam Al-Ghazali ia hadis sahih tetapi telah beramal dengannya satu kumpulan daripada sahabat-sahabat dan kata Ibnu Hajar itu bersetuju dengan kata Ahmad Al-Ghumaari (sebagaimana di atas).

Katanya lagi: Adapun Ash-Shaikh Mahmud Shaltut, dia mengharuskan Kerajaan sahaja menghutangkan dengan faedah jika ada sebab berbuat begitu, dan jika ada maslahat dan menentukan maslahat itu terpulang kepada Ulil Amri umat Islam dari ahli ekonomi dan ahli ugama dan ahli undang-undang. Maka fikiran Ash-Shaikh Shaltut tiada memberi guna kepada orang yang mengatakan faedah itu harus dimakan oleh orang Islam. Dengan ringkas (pendapat Ash-Shaikh Shaltut telah dibidas oleh Ash-Shaikh Nuuruddiin bagaimana yang akan datang).

Katanya: Pendapat Ash-Shaikh Shaltut dan lain-lain ditolak oleh Lujnah fatwa Al-Azhar, katanya: Anggota Lujnah itu ulama-ulama besar di Al-Azhar dan ditolak oleh fatwa yang dikeluarkan pada tahun 1916 (dan ditolak oleh keputusan Mujamma'ul Buhuth Al-Islamiyyah Al-Azhar tahun 1965. Dan telah ditolak oleh Mufti-mufti Ash-Shaikh Makhluf dan Ash-Shaikh Hassan Ma'mun dan Ash Shaikh Az-Zawi dan Al-Allaamah As-Syed Alwi bin Tahir Al-Haddad Rahimahullah).

Kemudian katanya: Inilah fikiran yang betul dalam Islam (haram faedah itu), ini fikiran yang tiada berat sebelah pada mana-mana pihak sama ada fikiran moden atau lama atau kepada orang kaya atau kepada orang miskin.

Katanya: Adapun fikiran ahli ekonomi itu, kita tiada ada kena-mengena dengan mereka, istimewa ada ramai ahli ekonomi Eropah itu menegah riba dan faedah yang dipertikaikan itu. Tamat kata Ash-Shaikh Al-Alaa' itu. Dipetik dengan ringkas.

Kitab Ar-Riba Wal-Faedah itu telah dihadiahkan oleh pengarangnya ketika saya hadir ke Kongres Muktamar Al-Alam Al-Islami di Baghdad tahun 1962 bagi pihak Kerajaan Brunei Darussalam sebagai pemerhati dan dalam kongres itu dibahaskan perkara menubuhkan bank tiada riba dan menubuhkan ejensi berita Islam, kemudian dibawa lagi dalam Kongres Muktamar Al-Alam Al-Islami di Muqaddishu, Somalia akan dua perkara itu dan saya sebagai pemerhati dari Kerajaan Brunei, kemudian dibawa kedua-duanya ke Kongres Mukatamar Al-Alam Al-Islami di Jeddah, dan bersama Rabitah Al-Alam Al-Islami kemudian didukung oleh Sekretariat kerajaan-kerajaan Islam di Jeddah. sekarang kedua-dua rancangan sedang dilaksanakan khabarnya.

WALLAHUAKLAM

(Bersambung)



## Kursus Penilaian Prestasi Kerja

KELIHATAN sebahagian dari 24 orang pegawai Kerajaan yang menghadiri Kursus Penilaian Prestasi Kerja Kakitangan yang diadakan baru-baru ini di Unit Latihan Pejabat Perjawatan.

Kursus selama empat hari itu bertujuan bagi memberi kefahaman dan pengetahuan mengenai penilaian prestasi kerja dan perlaksanaan yang boleh dilakukan dengan penggunaan borang yang disediakan. — Gambar oleh Harun Rashid.

## Hadiri mesyuarat mengenai Kerjasama Bidang Perindustrian

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dato Paduka Awang Haji Selamat bin Haji Munap, Timbalan Menteri Pembangunan dan rombongan kini berada di Istanbul bagi menghadiri Mesyuarat Kali Ketiga Menteri-Menteri Mengenai Kerjasama Dalam Bidang Perindustrian di antara negara-negara ahli Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang bermula hari ini 24 hingga 28 Jun.

Dato Paduka Awang Haji Selamat bin Haji Munap ditemani oleh isteri beliau Yang Mulia, Datin Hajjah Rosnah binti Haji Hasbollah serta diiringi oleh Awang Malai Ali bin Haji Malai Othman, Setiausaha Tetap (Teknikal), Kementerian Pembangunan; Awang Zakaria bin Dato Paduka Awang Haji Noordin, Pengarah Kerja Raya; Awang Yusof bin Haji Abd. Hamid, Pengarah Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan dua orang Pegawai Kanan dari Kementerian Pembangunan.

## Waktu Sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 24 Jun hingga ke hari Selasa 30 Jun, 1987 adalah seperti di bawah ini :—

| HARI BULAN | ZUHUR | | ASAR | | MAGHRIB | | ISYAK | | IMSAK | SUBUH | | MATAHARI TERBIT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | | Mulai | Berakhir | |
| Jun | | | | | | | | | | | | |
| 24 | 12.25 | 3.49 | 3.50 | 6.34 | 6.35 | 7.50 | 7.51 | 4.54 | 4.40 | 4.55 | 6.10 | 6.11 |
| 25 | 12.25 | 3.49 | 3.50 | 6.34 | 6.35 | 7.50 | 7.51 | 4.54 | 4.40 | 4.55 | 6.10 | 6.11 |
| 26 | 12.25 | 3.49 | 3.50 | 6.35 | 6.36 | 7.51 | 7.52 | 4.54 | 4.40 | 4.55 | 6.10 | 6.11 |
| 27 | 12.25 | 3.50 | 3.51 | 6.35 | 6.36 | 7.51 | 7.52 | 4.54 | 4.40 | 4.55 | 6.10 | 6.11 |
| 28 | 12.26 | 3.50 | 3.51 | 6.35 | 6.36 | 7.51 | 7.52 | 4.55 | 4.41 | 4.56 | 6.10 | 6.11 |
| 29 | 12.26 | 3.50 | 3.51 | 6.35 | 6.36 | 7.51 | 7.52 | 4.55 | 4.41 | 4.56 | 6.11 | 6.12 |
| 30 | 12.26 | 3.50 | 3.51 | 6.35 | 6.36 | 7.51 | 7.52 | 4.55 | 4.41 | 4.56 | 6.11 | 6.12 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

# Umat Islam diseru pelajari ilmu uruskan hal-ehwal kematian




MARILAH sama-sama kita bertakwa ke hadrat Allah Subhanahu Wataala dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Manusia merupakan salah satu dari makhluk-makhluk ciptaan Allah. Allah menjadikan manusia daripada tiada kepada ada. Dimasukkan-Nya roh ke dalam diri manusia supaya dapat bergerak bebas di dunia. Bagaimana sangkanya Allah Subhanahu Wataala memasukkan roh ini ke dalam diri manusia maka lebih senang lagi ia mencabut-Nya.

Oleh itu alam dunia ini hanyalah untuk sementara sahaja, setiap manusia akan melalui empat alam. Pertama ialah alam dalam kandungan ibu, alam kedua ialah setelah manusia dilahirkan ke dunia, alam ketiga ialah alam barzah iaitu alam setelah manusia dikebumikan di dalam kubur yang disebut juga alam kubur dan yang keempat ialah alam akhirat iaitu setelah manusia dibangkitkan semula.

Setiap yang bernyawa akan dicabut nyawanya. Manusia adalah makhluk bernyawa maka akan dicabut nyawanya. Manusia akan dimatikan pada masa dan ketika yang telah ditetapkan oleh Allah Subhanahu Wataala yang mematikan sekalian yang bernyawa. Sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

*"Tiap-tiap umat mempunyai ajal masing-masing, maka apabila tiba ajalnya mereka tidak dapat mengundurkan atau mempercepatkan barang setitik pun."*

Apabila seorang Islam meninggal dunia (mati) maka matinya wajib disempurnakan oleh orang-orang Islam terutama ahli-ahli warisnya dan kaum kerabatnya. Mayat orang bukanlah bangkai binatang. Mayat orang Islam mestilah dihormati. Mayat orang Islam mestilah disempurnakan sesempurna-sempurnanya. Orang Islam yang arif sahaja dapat menyempurnakannya. Andai semua orang Islam tidak tahu menyempurnakan mayat maka semua orang Islam akan menanggung dosa kerana tidak mempelajarinya. Kita renung kembali kisah Kabil dan Habil iaitu untuk Sayidina Adam Alaihissalam. Habil telah dibunuh oleh Kabil kerana sesuatu perkara. Kabil tidak tahu apa yang dibuat terhadap mayat adiknya Habil. Lalu Allah telah mengilhamkan kepadanya dengan diturunkan seekor burung menggali tanah untuk mengkubur burung yang telah mati. Kabil mendapat pelajaran dari burung itu. Kabil tidaklah ia sanggup membiarkan mayat adiknya terus terlentang, sebaliknya Kabil tetap menghormati adiknya yang sudah menjadi mayat dengan melakukan apa yang telah dilihatnya dari perbuatan burung tadi. Allah senghaja mengurniakan ilmu mengubur mayat ini kepada Habil melalui burung supaya menjadi iktibar dan panduan kepada manusia supaya akan menghormati dan menyempurnakan mayat. Lihatlah burung yang tidak berakal pun menghormati rakannya yang telah mati dengan menguburkannya. Apatah lagi kita orang Islam sepatutnya lebih dari itu.

Perkara menguruskan hal-ehwal kematian adalah satu ilmu. Ilmu menguruskan hal-ehwal kematian adalah satu daripada cabang-cabang ilmu ugama. Sedangkan ilmu ugama adalah wajib dituntut bagi setiap orang-orang Islam. Oleh itu ilmu menguruskan hal-ehwal kematian adalah wajib dituntut kecuali ilmu jahat, ilmu yang membinasakan orang lain, ilmu yang merosakkan rumahtangga orang lain dan sebagainya. Banyak diterangkan dalam Al-Quran dan hadis-hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam tentang darjah orang-orang yang menuntut ilmu termasuk ilmu yang ditekankan dalam khutbah ini sebagaimana firman Allah Taala yang bermaksud:

*"Diangkat oleh Allah orang-orang yang beriman daripada kamu dan orang-orang yang diberi ilmu beberapa tingkat."*

Ibnu Abas Radhiallahu Anhu mengatakan "untuk ulama" beberapa tingkat di atas orang mukmin 700 tingkat tingginya. Antara dua tingkat itu jaraknya sampai 500 tahun perjalanan. Umpamanya orang yang seperti ini akan mengingatkan kepada orang yang sedang dalam "nazak" atau hampir mati supaya membaca kalimah "Lailahailallah," kerana kalimah itu elok dibaca atau diucapkan kerana mengikut maksud sebuah hadis, *"Barangsiapa yang mengakhiri hayatnya dengan ucapannya "Lailahailallah" ia akan dimaksukan ke syurga."*

Salah satu perkara yang wajib disempurnakan terhadap mayat ialah memandikannya. Orang yang terlebih utama memandikan mayat ialah orang yang terlebih utama jadi imam menyembahyangkan dia iaitu mereka yang terdekat dengan mayat itu. Oleh itu mereka yang tidak mengetahui bagaimana memandikan mayat adalah mendapat kerugian dan tidak mendapat keutamaan bagi keluarganya yang telah meninggal dan tidak mendapat keampunan empat puluh kali kerana menyembunyikan keburukan mayat semasa memandikannya, sebagaimana sabda Rasulullah yang bermaksud: *"Barangsiapa yang memandikan mayat maka ia menyembunyikan keburukannya ia akan diampunkan oleh Allah empat puluh kali."*

Orang yang terlebih utama menjadi imam menyembahyangkan mayat ialah sekalian usibahnya kerana mereka itu terlebih hampir dan doa mereka juga terlebih dahulu diperkenankan, dengan didahulukan bapa kemudian nenek dan seterusnya. Oleh itu mereka yang tidak tahu menyembahyang mayat adalah keluarga yang mendapat kerugian kerana Islam telah mengutamakan keluarga untuk menyembahyangkannya dan segala doa mereka diambil kira dan dimakbulkan. Dan fadilat orang yang menyembahyangkan mayat disebut dalam hadis Rasulullah dari Abu Hurairah Radhiallahu Anhu yang bermaksud:

*"Dari Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda: Barangsiapa telah sembahyang atas jenazah maka ia mendapat satu karat dan barangsiapa turut mengiringkannya sehingga diletakkan dalam kubur maka ia mendapat dua karat, satu karat itu sama dengan sebuah gunung Uhud."*

Orang yang terlebih utama memasukkan mayat ke dalam kubur ialah mereka yang terlebih utama menyembahyangkannya dan jika mayat itu perempuan maka suaminya terlebih utama pada memasukkannya ke dalam kubur daripada yang lain. Dengan hal yang demikian melalui mimbar yang mulia ini diserukan kepada umat Islam supaya bergerak dan berlumba-lumba, untuk mengambil beberapa keutamaan bagi kepentingan diri, keluarga dan saudara seugama dengan mempelajari ilmu menguruskan hal-ehwal kematian, untuk jenazah sebagaimana yang dituntut oleh ugama bagi kebaikan bersama.

# Jangan bakhil ucapkan selawat

## Menuju Keredaan Allah

TIDAK ada seorang pun di antara kita yang rela menerima gelaran lokek atau lemah. Oleh itu sewajarnyalah seorang Islam itu tidak merasa lokek atau bakhil mengucapkan selawat kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam kerana menurut Islam orang yang malas untuk mengucapkan selawat itu adalah orang yang paling bakhil dari segala yang bakhil, orang yang paling lemah dari segala yang lemah. Perhatikan sabda Rasullullah yang bermaksud :

*"Ketahuilah, aku beritahukan kepada kamu tentang orang yang paling bakhil dan paling lemah di antara kamu, ialah mereka yang apabila namaku disebut kepadanya, mereka tidak menyambutnya dengan ucapan selawat untukku."*

Orang yang tidak bertindakbalas, menjawab nama Baginda ketika disebut dengan selawat adalah orang yang bakhil dan lemah. Bukan lokek harta atau lemah kekuatan tetapi lokek dan lemah dalam mencari rahmat dan keberkatan. Kerana apabila kita mengucapkan selawat, jangan lupa bahawa kita tidak hanya mendoakan keberkatan dan rahmat kepada Nabi Muhammad tetapi bererti kita telah mendoakan keberkatan dan rahmat yang sedemikian untuk diri kita sendiri. Perhatikan sabda Rasulullah daripada Abdul Rahman bin Auf yang bermaksud :

*"Aku menemui Malaikat Jibril Alaihis Salam, ia berkata: Saya menyampaikan khabar gembira bahawa Allah Taala berfirman : Sesiapa memberi salam kepadamu, maka Aku (Allah) memberi salam kepadanya, sesiapa membaca selawat untukmu, maka Aku (Allah) membaca selawat untuknya."*

Dari Anas bin Malik Radhiallahu Anhu: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

*"Sesiapa membaca untukku selawat sekali, maka Allah Taala memberikan kepadanya 10 selawat iaitu sepuluh kali ganda keberkatan, rahmat dan kebaikan dan sesiapa membaca untukku selawat 10 kali maka Allah Taala memberikan kepadanya 100 selawat, 100 kali ganda keberkatan dan siapa membaca selawat untukku 100 kali maka Allah mencatatkan pada kedua belah matanya 2 macam kebebasan iaitu ia bebas dan terhindar dari sifat nifak, berpura-pura dan terhindar dari azab api neraka malah di hari kiamat Allah akan memasukkan ke dalam syurga bersama-sama para syuhada, mereka yang terkorban dalam perang menegakkan ugama Allah."*

Setiap kita menginginkan dijamin terhindar dari sifat nifak lalu kita menjadi orang mukmin yang dapat melaksanakan amal salih dengan iman dan ikhlas sehingga dengan itu kita terhindar dari api neraka. Begitu juga kita mengharapkan supaya hidup kita berakhir dengan Husnul-Khatimah, diambil nyawa kita dengan aman, kerana kita dapat merasakan siksanya sakratul-maut ketika menghadapi orang yang sedang nazak untuk itu perbanyakkanlah selawat, pesan Rasulullah:

*"Malaikat-malaikat Jibril, Israfil dan Izrail dan Mikail Alaihimus-salatuwasallam datang menjumpaiku. Malaikat Jibril Alaihis Salam berkata: Wahai Rasulullah, sesiapa membaca selawat untukmu 10 kali maka saya akan bimbing tangannya, menuntunnya meniti Siratal Mustaqim. Malaikat Mikail pula berkata: Saya akan memberinya minum dari telagamu yang terdapat di syurga, Israfil Alaihis Salam pula berkata: Saya akan sujud kepada Allah dan tidak akan mengangkat kepala yakni berhenti dari bersujud sehingga Allah mengampuninya. Sementara Malaikat Izrail pula berkata: Saya akan mencabut nyawanya sebagaimana saya mencabut nyawa para Nabi Alaihimus-salatuwasallam dengan penuh rahmat dan kasih sayang."*

Setiap kita akan meniti Siratal Mustaqim, mudah-mudahan penitian kita itu akan dituntun oleh Malaikat Jibril Alaihis Salam semoga dengan itu kita tidak tergelincir dan jatuh ke Neraka. Untuk itu ucapkanlah selawat setiap ada kesempatan tanpa mengira waktu dan keadaan lebih-lebih lagi pada hari Jumaat, kita dituntut memperbanyakkan selawat pada hari Jumaat memandangkan hari itu dianggap sebagai penghulu segala hari.

Sabda Rasulullah :

*"Sesiapa berselawat untukku 100 kali pada hari Jumaat, maka pada hari kiamat dia akan datang dengan keadaan bercahaya, sekiranya cahaya itu dibahagi-bahagikan kepada semua manusia nescaya mencukupi."*

Sabdanya lagi:

*"Sesiapa membaca selawat untukku pada tiap-tiap hari Jumaat 100 kali Allah ampuni dosanya sekalipun dosanya itu sebanyak buih di laut."*

Kerana itulah kita memperbanyak ucapan selawat dan ternyata kita lebih khyusuk berselawat ketika berada di hadapan maqam Baginda di Masjid Nabawi di Madinah Almunawwarah, kita tidak hanya berselawat dan menyampaikan salam dari diri kita untuk Baginda tetapi juga menyampaikan selawat dan salam dari keluarga dan kenalan kita yang tidak mengerjakan haji kerana sesungguhnya salam-salam dan selawat-selawat itu didengar dan disampaikan kerana itulah janji Allah Subhanahu Wataala:

*"Allah Taala telah berjanji kepadaku, apabila aku wafat, Dia akan membolehkan aku mendengar selawat yang dibacakan untukku."*

Betapa banyak pahala dan kebaikan dari amalan berselawat kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam untuk itu ucapkan dan tulislah selawat kerana:

*"Barangsiapa menuliskan selawat untuk saya dalam sebuah kitab, maka para Malaikat selalu memohonkan ampun untuk penulisnya selagi namaku masih bertulis atau tercetak di kertas tersebut."*

Mudah-mudahan dengan doa keampunan dari Malaikat itu kita akan menjadi orang utama yang mendapat syafaat dari Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam :

*"Sesungguhnya orang yang paling utama bagiku di hari kiamat ialah orang yang paling banyak membaca selawat untukku."*

Mudah-mudahan dengan adanya syafaat Baginda itu kita menjadi ahli syurga yang menikmati segala keindahan, kenikmatan dan keistimewaan yang tersedia di dalamnya sabda Rasulullah:

*"Jibril Alaihis Salam menemuiku dan berkata, wahai Muhammad, tiada seorang pun yang membaca selawat untukmu kecuali dibacakan selawat oleh 70,000 Malaikat, mereka memohonkan keberkatan, rahmat dan kesejahteraan untuknya, dan mereka yang dibacakan selawat sedemikian oleh para Malaikat adalah tergolong sebagai ahli syurga."*

Sesungguhnya, orang yang paling ingat, paling beriman, paling taat dan cinta kepada Allah dan Nabi-Nabi-Nyalah yang akan selalu ingat untuk berselawat.

# Syarikat pembeli gas LNG adakan kunjungan hormat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Ahmad bin Dato Matnor telah menerima kunjungan hormat dari para pengurus-pengurus umum syarikat-syarikat pembeli gas LNG negara ini pada petang Khamis, 18 Jun lepas di Istana Nurul Iman.

Rombongan itu terdiri dari Awang Shiraishi dari Tokyo Electrical Power Ltd. selaku ketua rombongan, Awang Kubotani dari Tokyo Gas Ltd, Awang Nogami dari Osaka Gas Ltd dan timbalan pengurus umum masing-masing serta wakil-wakil dari Perbadanan Mitsubishi, Tokyo yang diketuai oleh Awang Masuda dan dari Shell Kosan, Tokyo yang diketuai oleh Awang Forster.

Menurut kenyataan Unit Petrolium, Jabatan Perdana Menteri, "Sempena meraikan penghantaran kargo LNG ke 2,000 Jepun pada 28 Mac, 1987, Brunei Coldgas Sdn. Bhd telah menghulurkan jemputan kepada pengurus-pengurus umum yang terlibat dalam perniagaan LNG, syarikat-syarikat pembeli LNG Brunei Darussalam."

"Lawatan pengurus-pengurus umum yang bermula pada 16 Jun 1987 selama tiga hari itu akan mengeratkan lagi persahabatan yang terjalin dengan cemerlangnya di antara syarikat-syarikat pembeli LNG Brunei Darussalam dan Brunei Coldgas Sdn. Bhd., Tidak kurang pentingnya, lawatan ini juga memperkukuhkan perhubungan antara Negara Brunei Darussalam dan negara Jepun," tambah kenyataan itu.



SETIAUSAHA Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Ahmad bin Dato Paduka Mat Noor dalam perjumpaan dengan syarikat pembeli gas LNG di negara ini. — Gambar oleh Harun Rashid.

# KEMUDAHAN BAGI ORANG CACAT PERLU DIFIKIRKAN

BERAKAS. — Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Johar menyeru semua pihak supaya sama-sama memikirkan dan menyediakan kemudahan-kemudahan awam yang bersesuaian bagi keperluan orang-orang cacat.

Berucap merasmikan sukan orang-orang cacat peringkat kebangsaan sempena Tahun Kebajikan 1986, di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini Ahad lepas, Dato Paduka Dr. Hj. Johar berkata, ketika ini masih banyak terdapat tempat-tempat dan kemudahan awam yang sukar untuk didatangi dan dinikmati oleh orang-orang cacat yang memerlukan perhatian serta pertolongan dalam pelbagai segi.

Sebagai contoh, Yang Berhormat menceritakan tentang terdapatnya seorang cacat yang tidak berupaya naik ke kedai foto untuk bergambar kad pengenalannya kerana dia menggunakan kerusi roda.

Menurut Yang Berhormat, ketika ini terdapat kira-kira 2,800 orang-orang cacat di negara ini dan jumlah tersebut tidak banyak bezanya seperti yang terdapat di negara-negara jiran. Sebagai masyarakat, kita mempunyai tanggungjawab membantu mereka.

Yang Berhormat berkata, Kerajaan telah banyak membantu mereka yang cacat dengan memberikan pelbagai bantuan seperti rawatan dan pemulihan cara kerja.

"Setiap mereka yang dikenalpasti sebagai orang cacat akan diberi pendidikan khas rancangan pemulihan cara kerja yang mana termasuklah pekerjaan menganyam bakul, penyulam kain, pertukangan kayu dan juga memandu kereta khas," jelasnya.

Yang Berhormat menambah, hasil usaha daripada pihak-pihak yang berwajib ramai orang-orang awam telah semakin memahami akan keadaan dan asal-usul orang-orang cacat ini.

Walau bagaimanapun susahnya mereka itu, kata Yang Berhormat, mereka telah dapat hidup berdikari sebagai sebahagian daripada anggota masyarakat.

"Mereka juga telah menyumbangkan bakti mereka melalui ekonomi, sosial, sukan hiburan dan lain-lain," jelasnya lagi.

# 33 guru lulus Sarjana Muda Pendidikan

GADONG. — Seramai 33 orang guru yang mengikuti kursus sarjana Muda Pendidikan (Bachelor of Education) dalam skim perkhidmatan telah lulus dalam peperiksaan tersebut.

Kursus berkenaan adalah julung-julung kali diadakan di Negara Brunei Darussalam selama dua tahun bermula bulan Julai 1985 lalu yang mana ianya didahului oleh Kursus Pra-Perkhidmatan selama 6 bulan (Januari-Julai 1985). Manakala peperiksaan kursus Sarjana Muda Pendidikan diadakan pada ... dan 29 Mei lalu.

Di bawah ini adalah senarai kelas pujian dan lulus bagi keputusan peperiksaan tersebut.

2nd Class Honours (Kelas Kedua Kepujian).

Abdul Ghani bin Haji Daud, Abdul Karim bin Mohammad, Abidin bin Haji Abu Bakar, Aisha binti Haji Yusof, Aminah binti Mat..., Chew Kim Chee, Daraman bin Tuah, Halimah binti Haji Maidin, Haziah binti Da... Haji Abu Zar, Hanafiah bin Haji Metali, Lamat bin Lakim, Lasut bin Lang, Lie Giok Eng, Metasim bin Haji Duraman, Mohd. Taib bin Haji Jaafar, Othman bin Haji Abdul Rahman, Pg. Yasin bin Pg. Haji Mohammad, Hjh. Rafeah binti Haji Ah..., Rosni binti Haji Abdul Salam, Suhaimi binti Haji Mohd. ... dan Pass (Lulus) Abdullah bin Haji Saidi @ Alisham, ... Ludin bin Pg. Najib, Hassan bin Ibrahim, ... Saibah Haji Mohd. ..., Hjh. Siti Rohani Hj. ..., Julkipli bin Haji Sulaiman @ Zulkifli, Lani bin Haji ..., Mohammad Azani bin Haji Pudin, Mohammad bin Md. Yusof, Pg. Md. Askandar bin Pg. Hj. Md. Said, Sapar bin Haji Md. Yusof, Tamit... Pudin dan Timbol bin Haji Tinggal.

# Amalkan sifat k'sama

PENANJONG. — Pasukan Bateri Pertahanan Udara, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei kini mempunyai seorang Pegawai Memerintah yang baru iaitu Mejar MH Anderson, bagi menggantikan Mejar Paul Tucker yang menamatkan perkhidmatannya pada 13 Jun yang lalu.

Bersempena dengan lantikan itu, satu majlis serah menyerah tugas telah dilangsungkan di ibu pejabat pasukan itu di sini pada hari Jumaat lepas yang dimulakan dengan upacara memeriksa barisan yang terdiri daripada kira-kira 100 anggota pasukan tersebut yang dilakukan oleh Mejar Paul Tucker.

Kemudian kedua-dua pegawai berkenaan Mejar Paul Tucker dan Mejar MH Anderson menandatangani buku serah menyerah tugas dan seterusnya diikuti dengan acara tabek hormat baris lalu oleh sepasukan anggota Bateri Pertahanan Udara.

Dalam ucapan ringkasnya, Mejar Paul Tucker menggesa semua ahli-ahli pasukan itu supaya sentiasa mengamalkan sifat kerjasama berpasukan serta menjalankan tugas dengan tekun dan disiplin demi untuk kejayaan pasukan.

Pasukan Bateri Pertahanan Udara ditubuhkan empat tahun lalu dan ketika ini mempunyai dua unit pasukan pelancar selain mempunyai pasukan shellduck dan bengkel.




## Harga barang-barang keperluan

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Tutong, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang-barang yang berikut di bawah ini bermula pada 17 Jun, 1987.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

(1) Makanan Ayam (Gemuk) 1 kilogram $1.00/1 kati 60 sen.
  a) Chop Chin Seng No. 107 Jalan Pemancha.
(2) Aji-No-Moto (350g) sebungkus $1.60.
  a) Kedai Kim Seng Choon 6 Jalan McArthur.
(3) Lada Botol — Wah Hong (S'pore) sebotol 85 sen.
  a) Kedai Kim Seng Choon No. 6, Jalan McArthur.
(4) Ubi Kentang 1 kilogram $1.30/1 kati 80 sen.
  a) Kedai A. Muthian No. 9, Jalan McArthur.

**TUTONG**

(1) Makanan Ayam (Gemuk) 1 kilogram $1.00/1 kati 60 sen.
  a) Chop Wah Kee No. 6 Jalan Enche Awang.
(2) Aji-No-Moto (350g) sebungkus $1.80.
  a) Chop Tong Huat No. 17 Jalan Enche Awang.
(3) Lada Botol — Wah Hong (S'pore) sebotol 85 sen.
  a) Kedai Soo Lee Mini Mart No. 1 Jalan Enche Awang.
  b) Chop Hoe Hing No. 4 Jalan Enche Awang.
(4) Ubi Kentang 1 kilogram $1.50/1 kati 90 sen.
  a) Kedai Soo Lee Mini Mart No. 1 Jalan Enche Awang.

**KUALA BELAIT**

(1) Makanan Ayam (Gemuk) 1 kilogram $1.00/1 kati 60 sen.
  a) Kedai Guan Heng No. 30, Jalan Sungai.
(2) Aji-No-Moto (350g) sebungkus $1.65.
  a) Chop Yee Seng No. 46 Jalan Pretty.
(3) Lada Botol — Wah Hong (S'pore) sebotol 75 sen.
  a) Chop Yee Seng No. 46, Jalan Pretty.
(4) Ubi Kentang 1 kilogram $1.50/1 kati 90 sen.
  a) Kedai Yick Guan No. 3, Jalan Pretty.

**SERIA**

(1) Makanan Ayam (Gemuk) 1 kilogram $1.00/1 kati 60 sen.
  a) Kedai Soon Kheng No. 52, Jalan Bunga Kuning.
(2) Aji-No-Moto (350g) sebungkus $1.75.
  a) Kedai Choo Heng and Company No. 30, Jalan Sultan Omarali.
(3) Lada Botol — Wah Hong (S'pore) sebotol 75 sen.
  a) Kedai Choo Heng and Company No. 30 Jalan Sultan Omarali.
(4) Ubi Kentang 1 kilogram $1.30/1 kati 80 sen.
  a) Kedai Yick Fatt, Lot 2660, Jalan Sultan Omarali.

# PERTUTURAN II terbitan Muzium kini dijual

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Muzium-Muzium telah menerbitkan buku yang bertajuk PERTUTURAN II yang merupakan kumpulan cerita-cerita rakyat yang diusahakan oleh jabatan itu dan disusun oleh Awang Metassim bin Haji Jibah. (gambar).

Buku ini adalah sebagai susulan dari buku PERTUTURAN I yang mana telah menerima sambutan yang menggalakan bukan saja dari orang dewasa tetapi juga pada golongan kanak-kanak dan ini menepati tujuan buku ini diterbitkan dengan penyusunan serta pengolahan gaya bahasa untuk semua golongan.

Harga senaskah ialah $5.00 sahaja dan boleh didapati di kaunter penjualan di Jabatan Muzium di Kota Batu.



## Peraduan nyanyian

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bersempena dengan perayaan hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-41, Persatuan Kampong Saba (PERKASA) dijangka akan menganjurkan peraduan nyanyian berpasangan bulan depan.

Peraduan ini adalah terbuka kepada rakyat negara ini yang memegang kad pengenalan warna ungu dan kuning yang berumur 16 tahun ke atas bagi lelaki, manakala beliawanisnya berumur 15 tahun ke atas.

Bagi belia dan beliawanis yang berminat menyertai peraduan ini bolehlah mendapatkan borang serta keterangan yang lebih lanjut daripada Abu Bakar bin Kassim di Pusat Belia, Ismail bin Haji Zainal di Pejabat Adat Istiadat Negara atau Awang Zulkifli bin Tengah di Bangunan Bumbungan 12 Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Manakala di Daerah Belait borang-borang boleh didapati daripada Awang Roslan bin Haji Karim di Pejabat Buruh Kuala Belait, di Daerah Tutong daripada Awang Harris bin Haji Walli di Pejabat Pos, dan dari Haji Suhaili bin Haji Ahmad di Pejabat Pos, Bangar, Temburong.

Tarikh tutup menghantar borang ialah pada 1 Julai 1987 jam 4.30 petang.

# PERKEMBANGAN SENI TARI PERLU DIBERI PERHATIAN

Oleh: Dk. Fatimah

BERAKAS. — Perkembangan seni tari dan teater perlu diberi perhatian di tengah-tengah kehidupan masyarakat kita yang menghayati konsep Melayu, Islam Beraja.

Demikian seruan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Ahmad bin Kadi ketika merasmikan Bengkel Pengenalan Asas Seni Tari dan Teater baru-baru ini di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini.

"Ini adalah kerana kepercayaan dan pegangan terhadap keugamaan selalunya menjadi teras kewujudan dayacipta kedua-dua seni ini, maka bagi kita yang hidup dalam negara yang berideologikan Islam amat perlu mengambil kira supaya kita tidak akan dihanyutkan oleh khayalan-khayalan dunia masa kini," katanya.

Menyentuh tentang seni tari, Awang Haji Ahmad Kadi menyatakan perkembangan seni tari di negara ini merupakan satu warisan zaman-berzaman yang ketika dulu di zaman penjajahan perkembangannya agak terbatas dan tidak digalakkan oleh mereka.



PENGARAH DBP, Awang Haji Ahmad Kadi dan pegawai-pegawai dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Pengarah Pusat Seni, Prof. Madya Dr. Mohammad Ghaouse Nasaruddin di majlis pembukaan rasmi Bengkel Pengenalan Asas Seni Tari dan Teater. — Gambar oleh Harun Rashid.

Kerana itulah beliau menegaskan kesedaran secara individu untuk mengekalkannya amatlah mustahak dan dituntut oleh kehidupan kita sebagai manusia yang ingin menjaga maruah, bangsa dan budaya. Tujuannya supaya budaya bangsa kita itu akan duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan budaya bangsa khususnya seni tari dan teater yang ada di muka bumi, maka kenallah kita sebagai bangsa yang bermaruah dan berbudaya tinggi.

Terdahulu dari itu pengerusi bengkel, Dayang Rosni binti Haji Samli antara lain menjelaskan, bengkel itu bertujuan untuk memberi kesedaran kepada para peserta agar menghargai peranan seni tari dan teater dalam pembentukan kehidupan dan memupuk semangat ingin tahu dalam perkembangan dan penggunaannya.

Bengkel seni tari dan teater dianjurkan oleh Bahagian Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kumpulan Putera Seni, dan dikendalikan oleh Pusat Seni Universiti Sains Malaysia.

## Dari muka 2

Tuan Pengerusi, masalah Kampuchea juga membawa bersama masalah orang-orang pelarian. Baru-baru ini orang-orang pelarian bertambah banyak. Ia bukan sahaja menimbulkan masalah ekonomi kepada negara-negara yang menerima mereka bahkan mewujudkan kegelisahan di kalangan orang tempatan. Kami merasa, langkah yang diambil oleh negara-negara asal orang pelarian itu dalam membendung hal ini belum mencukupi. Sementara negara-negara anggota ASEAN bersedia menerima orang-orang pelarian itu sebelum dihantar ke negara ketiga. Orang-orang perlarian yang kurang terkawal itu telah menambah beban kepada negara-negara penerima. Oleh itu, kami meminta negara-negara asal orang-orang pelarian itu mengambil tindakan tegas dan berkesan bagi menghentikannya.

Tuan Pengerusi, kejadian-kejadian baru-baru ini di kawasan Pasifik memberatkan perhatian kami. Keamanan dan keharmonian yang biasanya dikaitkan dengan negara-negara di Kepulauan Pasifik hanya akan tinggal kenangan musim lalu jika kawasan ini dijadikan gelanggan kekuasaan di kalangan pelbagai kuasa-kuasa dunia. Kesannya bukan sahaja kepada negara-negara tertentu di Kepulauan Pasifik bahkan membawa implikasi serius terhadap keselamatan, keamanan dan kemantapan ASEAN. Untuk itu, kita perlu menumpukan minat yang khusus kepada kejadian-kejadian di Pasifik Selatan dan membentuk pendekatan-pendekatan bersama terhadap masalah di kawasan ini.

Akhirnya, melalui tuan pengerusi saya mengucapkan terima kasih kepada rakyat dan Kerajaan Republik Singapura atas layanan baik yang telah diberikan kepada saya dan rombongan saya ke Singapura ini.

Bagi pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam saya menyampaikan salam muhibah baginda bagi kejayaan. Mesyuarat Peringkat Menteri ASEAN kali ke-20 ini. Terima kasih.

## Lawak jenaka sempena keputeraan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jawatankuasa acara kesenian dan kebudayaan bagi perayaan hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kali ke-41 akan menganjurkan peraduan lawak jenaka.

Peraduan tersebut terbuka kepada kumpulan-kumpulan pelawak atau orang-orang perseorangan di seluruh negara dan setiap kumpulan mengandungi tidak lebih dari tiga orang.

Borang-borang penyertaan dan keterangan lanjut boleh didapati daripada Awang Haji Sulaiman bin Haji Abd. Wahab di Bahagian Penerangan, Jabatan Penyiaran dan Penerangan di Jalan McArthur, atau di semua cawangan-cawangan Pejabat Penerangan di Seria, Belait, Tutong dan Temburong.

## RAMALAN CUACA ←-- minggu ini --→

PADA awal minggu ini, cuaca cerah di samping ribut petir di sana sini di pedalaman. Kejadian ribut petir akan bertambah menjelang hujung minggu kemudian.

Ramalan cuaca ini bagi tempoh 24 hingga 30 Jun 1987.

## JADUAL AIR PASANG DAN SURUT

| Tarikh | Air Pasang Penuh (jam) | Paras Air (meter) | Air Surut Penuh (jam) | Paras Air (meter) |
|---|---|---|---|---|
| 24/6 | 0901 | 2.2 | 1801 | 0.7 |
| 25/6 | 1009 | 2.4 | 1845 | 0.5 |
| 26/6 | 1040 | 2.5 | 1926 | 0.4 |
| 27/6 | 1103 | 2.5 | 2004 | 0.3 |
| 28/6 | 1147 | 2.6 | 2040 | 0.3 |
| 29/6 | 1226 | 2.6 | 2114 | 0.4 |
| 30/6 | 1302 | 2.5 | 2145 | 0.5 |

Jadual ini adalah bagi Pelabuhan Muara. Bagi Bandar Seri Begawan waktu-waktu air pasang seperti yang tertara di atas hendaklah dicampur 45 minit dan bagi air surut dicampur 30 minit. Sementara bagi Daerah Tutong waktu air pasang hendaklah ditolak 45 minit dan air surut ditolak 30 minit. Manakala bagi Daerah Belait waktu air pasang hendaklah ditolak 60 minit dan air surut ditolak 30 minit.

WALLAHUAKLAM.



KELIHATAN rombongan dari Jabatan Perubatan dan Kesihatan Sarawak, Malaysia ketika melawat salah satu bahagian Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di sini baru-baru ini. — Gambar oleh : Pg. Hj. Yaakub PMHH.

SEROMBONGAN 36 orang pegawai-pegawai dari Jabatan Perubatan dan Kesihatan Sarawak, Malaysia mengadakan lawatan muhibah selama dua hari ke negara ini bermula pada 20 Jun yang baru lalu.

Rombongan yang diketuai oleh Pengarah Perubatan dan Kesihatan Sarawak, Dr. S. Hardin itu telah melawat ke Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di sini dan diberikan taklimat ringkas oleh Penguasa Perubatan.

Mereka juga dibawa melawat ke beberapa bahagian yang termasuk Unit Buah Pinggang, X-Ray dan Kecemasan dan Kemalangan serta Pesakit Luar.

Sebelum berlepas pulang pada 21 Jun lepas, rombongan pelawat itu dibawa melawat ke tempat-tempat yang menarik sekitar ibu negara.

## Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak

| PUSAT PERHENTIAN | TARIKH | HARI | MASA | |
|---|---|---|---|---|
| Sekolah Rendah Serasa | 24.6.1987 | Rabu | 9.45–10.15 | pagi |
| Sekolah Rendah Mentiri | 24.6.1987 | Rabu | 10.30–11.00 | ,, |
| Sekolah Rendah Sultan Abd Bubin Sg Besar | 24.6.1987 | Rabu | 11.15–11.45 | ,, |
| Sekolah Rendah Pulaie | 24.6.1987 | Rabu | 9.30–10.30 | ,, |
| Sekolah Rendah Lumut dan Sungai Liang | 25.6.1987 | Khamis | 10.00–12.00 | tengah hari |
| Sekolah Rendah Haji Md Yusuf Katimahar | 27.6.1987 | Sabtu | 8.30– 9.30 | pagi |
| Penjara Jerudong | 27.6.1987 | Sabtu | 9:45–10.45 | ,, |
| Sekolah Rendah Mulaut | 27.6.1987 | Sabtu | 11.00–12.00 | tengah hari |
| Sekolah Rendah Birau | 27.6.1987 | Sabtu | 1.30– 2.30 | petang |
| Sekolah Rendah Kiudang | 27.6.1987 | Sabtu | 2.45– 3.45 | ,, |
| Sekolah Rendah Lamunin | 27.6.1987 | Sabtu | 4.00– 5.00 | ,, |
| Sekolah Rendah Haji Md Salleh Sungai Hanching | 29.6.1987 | Isnin | 8.45– 9.45 | ,, |
| Sekolah Rendah Kiarong | 29.6.1987 | Isnin | 8.45– 9.45 | ,, |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg Menengah) | 30.6.1987 | Selasa | 9.15–10.15 | pagi |
| Sekolah Rendah Anggerik Desa Berakas | 30.6.1987 | Selasa | 10.30–11.30 | ,, |
| Sekolah Ugama Haji Md Jaafar Kg Kiulap | 30.6.1987 | Selasa | 2.45– 3.15 | petang |
| Sekolah Ugama Kampong Mata-Mata Gadong | 30.6.1987 | Selasa | 3.30– 4.30 | ,, |
| Sekolah Persediaan Inggeris Sengkurong | 30.6.1987 | Selasa | 4.30– 5.00 | ,, |

# SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI





TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali, selaku tetamu kehormat hadir di majlis itu bersama dengan jemputan-jemputan khas yang lain. (atas)

SELAIN dari dihiburkan dengan pelbagai persembahan, anak-anak yatim yang diraikan juga menerima hadiah-hadiah. Di sini kelihatan Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali menyampaikan hadiah kepada salah seorang dari kanak-kanak tersebut. (kiri)

# SUASANA BERTAMBAH MERIAH

KUALA BELAIT. — Walaupun Hari Raya sudah berlalu, tetapi suasana kemeriahannya masih dirasakan lagi. Suasana meriah ini dapat dirasakan oleh anak-anak yatim dan kanak-kanak cacat di Daerah Belait, kerana pihak penganjur telah mengundang Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Omar bin Haji Serudin di sambutan itu.

Awang Haji Omar bin Haji Serudin, telah merasmikan sambutan Hari Raya bagi Anak-Anak Yatim dan Kanak-Kanak Cacat Daerah Belait bagi tahun ini dengan memotong pita. Beliau telah meluangkan masa hampir lima jam bagi sama-sama meraikan sambutan itu.

Sambutan yang diadakan pada 21 Jun lepas, dianjurkan oleh Lembaga Tabung Derma Anak-Anak Yatim dan Tabung Derma Kanak-Kanak Cacat Daerah Belait di Kompleks Sukan Mumong, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan di sini. Ia dihadiri sama oleh Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Puasa bin OK Seri Pahlawan Tudin, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan kira-kira 300 orang anak-anak yatim dan kanak-kanak cacat berserta keluarga.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras sambuatan itu, Awang Ismail bin Apong, dengan adanya majlis seumpama itu anak-anak yatim dan kanak-kanak cacat sedikit sebanyak dapat bergembira dan bermesra di samping rakan-rakan yang senasib dengan mereka.

Dengan itu juga, menurutnya, memberikan peluang orang ramai terutama para penjaga anak-anak tersebut hadir sama menyaksikan acara-acara yang diaturkan.

Bagi memeriahkan sambutan tersebut, berbagai acara menarik diadakan. Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun adalah yang paling gembira sekali. Ini kerana ia diserikan dengan berbagai jenis sukan dan permainan diadakan khusus untuk mereka.

Antara acaranya yang disediakan ialah perlawanan memukul belon yang berisi gula-gula, memasukkan bola ke dalam jaring, membawa bola pingpong dalam sudu, memakan roti yang tergantung, acara memakai pakaian dan mencari benda yang tertulis dalam sampul surat.

Mereka yang diraikan disambutan itu juga dihiburkan dengan persembahan-persembahan nyanyian dan hiburan yang diiringi oleh kugiran 'The Black Gypsy' serta persembahan lawak jenaka dengan Keluarga Liau Badar.



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Omar bin Haji Serudin ketika menyampaikan derma kepada salah seorang kanak-kanak cacat yang diraikan. Juga kelihatan ialah Pengerusi Tabung Derma Orang-Orang Cacat Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin, Pegawai Daerah Belait.

Kanak-kanak cacat dan anak-anak yatim yang diraikan juga telah menerima derma sebanyak $50.00 seorang yang disumbangkan oleh kedua-dua Tabung Anak-Anak Yatim dan Kanak-Kanak Cacat Daerah Belait di samping hadiah-hadiah Hari Raya.

Derma dan hadiah-hadiah itu disampikan oleh tetamu kehormat, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Omar bin Haji Serudin, selaku Pengerusi Tabung Derma Orang-Orang Cacat daerah tersebut, Pegawai Daerah Belait Dato Paduka Awang Haji Puasa dan juga disampaikan oleh Pengerusi Tabung Derma Anak-Anak Yatim Daerah Belait, Awang Haji Maidin bin Haji Ahmad, Penolong Pegawai Daerah Belait.

Anak-anak yatim dan kanak-kanak cacat bersama keluarga masing-masing di sambutan itu juga dijamu dengan berbagai hidangan.



DATIN Rosnah binti Abdullah sedang menyampaikan hadiah kepada salah seorang anak yatim.

**Oleh Zubaidah HS dan Bolhassan HAB**

**Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO, Harun Rashid. dan Pg. Hj. Yaakub**

# 1,200 anak yatim diraikan

BERAKAS. — Seramai lebih 1,200 orang anak-anak yatim dari Daerah Brunei dan Muara telah diraikan di Majlis Jamuan Hari Raya di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini pada petang Ahad, 21 Jun lepas.

Timbalan Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Daud menjadi tetamu kehormat di majlis itu.

Majlis pada hari itu diserikan lagi dengan persembahan-persembahan nyanyian dan lawak jenaka oleh Kanak-Kanak Bengkel Kuntum Bersemi serta Kumpulan Liau Badar.

Di akhir majlis anak-anak yatim yang berumur 14 tahun ke bawah telah menerima hadiah-hadiah mereka. Majlis penyampaian hadiah dan jamuan bagi anak-anak yatim itu dianjurkan oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.



DI ANTARA kanak-kanak cacat beserta keluarga masing-masing yang hadir di majlis Mesraria anjuran BISTARI.

# BISTARI raikan 35 orang anak cacat

JERUDONG. — Badan Kebajikan Isteri-isteri Pegawai Kerajaan Brunei (BISTARI) meraikan kira-kira 35 orang anak-anak cacat dari Daerah Tutong di majlis Mesra Ria Aidilfitri yang berlangsung di Kelab Polo Jerudong Park di sini pada 19 Jun lepas.

Majlis tersebut diadakan secara ringkas tetapi penuh bermakna kepada anak-anak cacat beserta keluarga masing-masing yang diraikan.

Kanak-kanak cacat itu juga telah dihiburkan dengan berbagai-bagai acara yang dinamakan 'passing parcels, nyanyian dari anak-anak BISTARI, penyanyi kanak-kanak jemputan Ak. Mohd. Yusri dan berbagai-bagai persembahan hiburan dan pancaragam yang diundang.

Majlis yang merupakan projek tahunan BISTARI pada hari itu juga telah mendermakan wang kepada Persatuan Kanak-kanak Cacat (KACA) yang disampaikan oleh Naib Yang Dipertua BISTARI, Datin Hajah Masnah binti Haji Tuah kepada Pengerusi KACA Dayang Zaliha binti Haji Mohiddin.

# TAMAN BATUTURAN BERGERAK DBP

## Kenalkan perpustakaan kepada masyarakat luar bandar

Oleh Abu Bakar Haji.Zainal

Gambar-gambar ihsan DBP




KELIHATAN salah seorang peserta sedang bertuturan sambil diperhatikan oleh kanak-kanak lain. Gambar ini dirakamkan ketika Taman Batuturan Bergerak dilangsungkan di Sekolah Rendah Labi, Ulu Belait pada 27 April, 1986.

DEWAN Bahasa dan Pustaka dalam usahanya untuk memperkenalkan perpustakaan atau "menjual" perpustakaan kepada umum, lebih-lebih lagi kepada masyarakat luar bandar yang tidak berpeluang menggunakan perkhidmatan perpustakaan di pusat bandar telah sekian lama menubuhkan unit Perpustakaan Bergeraknya yang pada mulanya dikhususkan kepada orang ramai di luar bandar terutama di daerah-daerah pedalaman. Perpustakaan Bergerak seperti juga dengan lain-lain jenis perpustakaan merupakan perkhidmatan yang dilengkapi dengan bahan-bahan bacaan untuk orang ramai, tetapi cuma perbezaannya ialah jumlah koleksi yang disediakan agak terhad.

Taman Batuturan Bergerak adalah salah salah satu projek perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka yang dikendalikan setiap tahun pada dasar bertujuan untuk memberikan kesedaran dan galakan betapa penting dan mustahaknya masyarakat itu membaca dan terus membaca di samping berjinak-jinak dengan buku.

Taman Batuturan Bergerak pada mulanya telah dilancarkan buat pertama kalinya pada 12 Ogos 1983 bertempat di Sekolah Melayu Kampong Masin di Daerah Brunei dan Muara, oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman selaku Setiausaha Kerajaan pada masa itu (sekarang sebagai Menteri Pelajaran). Sejurus selepas perasmian tersebut, Taman Batuturan Bergerak telah diadakan dari tahun ke tahun dengan memberi keutamaan di kawasan-kawasan luar bandar di seluruh negara secara bergilir-gilir.

Setiap projek atau kegiatan yang diungkayahkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka melalui perpustakaan memang mempunyai matlamat atau tujuan yang tertentu tetapi tujuan yang terpenting ialah memberi galakan membaca di kalangan masyarakat terutama yang berada di luar bandar. Antara tujuan Taman Batuturan Bergerak Dewan Bahasa Pustaka ialah:

* Untuk menyemai dan menggalakkan minat membaca kanak-kanak.

* Membimbing kanak-kanak menggunakan masa dengan perkara yang berfaedah.

* Menggalakkan kanak-kanak menyukai buku kerana buku adalah sumber ilmu pengetahuan dan keseronokan.

* Menanamkan kesedaran pada masyarakat terutama ibu bapa terhadap pentingnya perpustakaan kepada anak mereka.

Kanak-kanak harus digalakkan dan dipujuk untuk rajin membaca buku dan mereka harus pula diperkenalkan dengan perpustakaan sebagai satu tempat untuk menimba pengetahuan, jika sejak kanak-kanak ini mereka tidak diasuh untuk menggunakan masa lapang dengan membaca buku dan menggunakan perpustakaan, kelak jika dewasa tabiat suka membaca tidak akan tumbuh di hati mereka.

Di samping itu bimbingan sangat mustahak kepada kanak-kanak untuk menggunakan masa lapang dengan perkara-perkara yang boleh mendatangkan faedah kepada diri mereka sendiri. Dengan adanya Taman Batuturan Bergerak, mereka sendirinya akan merasa rugi jika tidak menggunakan perpustakaan sebagai tempat belajar, mesej yang disampaikan melalui format persembahan Taman Batuturan Bergerak juga menekankan kepada betapa pentingnya buku-buku itu kepada mereka dan juga betapa mustahaknya mereka berkebolehan dalam satu-satu bidang yang mereka sukai dan bidang yang boleh mereka ceburi umpamanya bidang nyanyian, tarian, teater dan sebagainya.

Buku-buku sepertimana yang telah kita ketahui adalah sebagai alat rakaman ilmu pengetahuan dalam semua bidang yang sangat popular dan berkesan sekali, kerana tidak hairanlah ianya dianggap sebagai buku sumber ilmu, dalam kontek ini kanak-kanak harus diasuh dan digalakkan supaya menyukai buku-buku dan menjadikannya sebagai teman hidup yang sejati, di samping mengandungi pengetahuan yang berupa akademik, buku-buku juga terdapat dalam bentuk pengetahuan umum serta juga mengenai dengan keseronokan ketika membacanya.

Sebilangan masyarakat kita di Negara Brunei Darussalam terutama ibu bapa sering mengabaikan akan kepentingan perpustakaan kepada anak mereka, mereka lebih gemar menghantar anak-anak mereka ke taman-taman permainan atau ke pantai peranginan dari menghantar mereka ke perpustakaan walaupun dalam beberapa minit sahaja, manakala guru-guru pula amat jarang menggalakkan murid-murid untuk membaca buku, kerana itulah kebanyakan sekolah rendah tidak mempunyai perpustakaan langsung, kalau ada pun hanyalah sebuah bilik kecil yang hanya terdapat dua tiga buah buku-buku bacaan, itu pun bahan bacaan yang sudah terkebelakang, ada pula setengahnya perpustakaan di sekolah rendah itu ditempatkan dalam bilik guru besar, murid manalah yang hendak menggunakannya, hal seperti ini harus sama-sama kita sedari dan dari sekarang jika mahu generasi yang akan datang akan menjadi generasi yang berilmu pengetahuan, luangkanlah sedikit masa untuk anak-anak kita menggunakan perpustakaan dan galakkanlah mereka dalam membaca, bukan sahaja membaca itu untuk lulus dalam peperiksaan tetapi, galakkanlah membaca itu sebagai satu amalan. Menggalakkan tabiat suka membaca bukan sahaja terletak di bahu Dewan Bahasa dan Pustaka sahaja tetapi yang lebih penting ialah diri kita sendiri.

Taman Batuturan Bergerak setakat ini telah diungkayahkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka sebanyak 12 kali ke seluruh negara yang meliputi di keempat-empat daerah, Taman Batuturan Bergerak yang lalu ialah:

29 September 1983 di adakan di Sekolah Melayu Sg. Liang, Belait.

14 Oktober 1983 diadakan di Sekolah Melayu Puni, Temburong.

15 Januari 1984 diadakan di Sekolah Melayu Kiudang, Tutong.

8 Julai 1984 diadakan di Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Brunei.

30 September 1984 diadakan di Sekolah Melayu Sg. Teraban, Belait.

28 Januari 1985 diadakan di Sekolah Rendah Lumapas.

13 Februari 1985 diadakan di Sekolah Rendah Batu Marang, Brunei.

4 April 1986 diadakan di Sekolah Rendah Pehin Dato Jamil

13 April 1986 diadakan di Sekolah Rendah Abd. Rashid, Tanjong Maya.

27 April 1986 diadakan di Sekolah Rendah Labi, Belait.

29 Jun 1986 diadakan di Sekolah Rendah Bokok, Temburong.

Dari semenjak Taman Batuturan Bergerak diadakan hampir kesemuanya telah diadakan di sekolah-sekolah rendah kerajaan dengan tujuan menarik minat murid-murid di sekolah tersebut supaya menggunakan Perpustakaan Bergerak yang datang melawat ke sekolah mereka, di samping acara-acara hiburan dalam majlis Taman Batuturan Bergerak, ianya juga diselitkan dengan majlis taklimat mengenai dengan perkhidmatan Perpustakaan Bergerak kepada guru-guru dan murid-murid.

Pada tahun ini untuk kali ke-13 Dewan Bahasa dan Pustaka akan sekali lagi mengadakan projek Taman Batuturan Bergerak yang telah diadakan di kawasan lapang di Pekan Seria pada 14 Jun lalu. Dan apa yang diharapkan dari projek ini ialah adanya kesedaran yang total dari ibu bapa dan juga guru-guru dalam memberikan galakan dan asuhan kepada murid-murid supaya rajin membaca dan menggunakan perpustakaan yang disediakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Apa yang lebih penting melalui projek Taman Batuturan Bergerak ini ialah untuk memperkenalkan perkhidmatan Perpustakaan Bergerak kepada orang ramai terutama yang berada di luar bandar, dan juga memberikan kemudahan belajar dan merujuk kepada murid-murid atau penuntut sekolah, kerana sambutan dari orang ramai terhadap perkhidmatan Perpustakaan Bergerak khususnya dan Perpustakaan DBP umumnya belumlah begitu mencapai tahap yang boleh kita banggakan setakat ini jika dibandingkan dengan negara-negara lain di rantau ini, walaupun ada faktor-faktor yang tertentu dalam perkara ini tetapi ianya tidaklah boleh kita buatkan sebagai ukuran betapa kurangnya sambutan dari orang ramai, tetapi yang jelas ialah tidak adanya minat atau tabiat suka membaca itu di kalangan orang ramai, kerana kita percaya jika sudah tabiat begitu sebati nescaya perpustakaan akan menjadi tumpuan yang utama. Melalui Taman Batuturan Bergerak ini kita harapkan akan mendapat kejayaan dalam menarik lebih ramai lagi kanak-kanak atau sesiapa saja untuk menggunakan perkhidmatan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka.




GAMBAR atas ini dirakamkan di majlis Taman Batuturan Bergerak di Sekolah Rendah Kerajaan Bokok, Temburong pada 29 Jun, 1986.




SUASANA ketika diadakan Taman Batuturan Bergerak bertempat di Sekolah Puni Temburong pada 14 Oktober, 1983.

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 24 JUN

**PETANG**

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 FLINTSTONE KIDS
- 5.00 EUREKA: "The Ray Trade"
- 5.25 DIFENDERS OF THE EARTH: "Battle Ground"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 MR BELVEDERE
- 6.20 WORLD OF SURVIVAL: "The Long, Short And The Tall" Taman kebangsaan Afrika di Namibia seperti Etosha mempunyai beraneka jenis binatang yang memakan tumbuh-tumbuhan tetapi cara mereka memperoleh makanan tersebut tidak sama, namun demikian Savannah Afrika mampu menampung kesemua binatang tersebut.
- 6.35 AZAN MAGHRIB
- 6.40 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.50 WORLD OF SURVIVAL — sambungan

**MALAM**

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 SMALL WONDER: "The Shoplifter"
- 7.51 AZAN ISYAK
- 7.56 THE LAST PRECINCT: "Three Ring Circus" (Episod akhir) Price dan Night Train terpaksa berfikir pantas untuk menangkap pengedar dadah yang menipu mereka dengan memakaikan Alphabet dengan pakaian penari gelek. Mereka juga terlibat dengan sekumpulan sarkas bangsa Russia yang berpaling tadah.
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 SUDUT ASIA
- 9.35 LIPUTAN NASIONAL
- 10.00 BIMBINGAN ISLAM
- 10.10 DELIBERATE STRANGERS (Episod terakhir)
- 11.00 SPORTS: Benson And Hedges Snooker
- 12.00 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 25 JUN

**PETANG**

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.25 HEATHCLIFF (Siri baru)
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 ONCE UPON A TIME: "The Edge And The Snail" (ulangan)
- 6.05 1, 2, 3 GO
- 6.15 GHOSTBUSTERS: "Ghostbunglers"
- 6.35 AZAN MAGHRIB
- 6.40 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.50 GHOSTBUSTERS — sambungan

**MALAM**

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 WEBSTER: "McGruff" Webster begitu takut untuk menyatakan siapa pemerasugut di sekolahnya. Ini mendorong Katherine untuk menjemput McGruff dari Konsul Pencegah Jenayah Kebangsaan untuk melawat ke darjah Webster.
- 7.51 AZAN ISYAK
- 7.56 MIAMI VICE: "The Prodigal Son"
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 HIDAYAT
- 9.55 BIMBINGAN ISLAM
- 10.05 DUNIA MINGGU INI
- 10.35 MAGNUM: "One Picture Is Worth ..." Magnum diupah untuk melindungi seorang wanita pekak yang merupakan satu-satunya saksi ke atas sebuah rompakan bank dan pembunuhan.
- 11.25 TAYANGAN GAMBAR: "Twist"
- 1.00 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 26 JUN

**TENGAH HARI**

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 12.02 AL-QURAN
- 12.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.15 CERAMAH UGAMA
- 12.25 HIDAYAT (ulangan)
- 12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
- 12.49 HIDAYAT — sambungan
- 1.00 MUTIARA/NADASARI

**PETANG**

- 1.25 MR T: "The Comeback Mystery"
- 1.50 HE-MAN AND THE MASTERS OF THE UNIVERSE
- 2.15 SPORTS
- 3.15 CODENAME ICARUS
- 3.45 AL-KISAH: "Kisah Kura-Kura" (ulangan)
- 3.50 AZAN ASAR
- 3.55 AL-KISAH — sambungan
- 4.05 LIFE WITH LUCY: "Lucy And Curtis Are Up A Tree"
- 4.30 ODYSSEY FEATURES: "Time Wrap" Bhg I
- 5.20 Q.E.D.: "The Body In The Bog"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 FARRINGTON OF THE FO: Harriet Emily Farrington yang kini menjadi Consul General yang baru menghadapi beberapa dilema di hari kedua berada di "banana republic".
- 6.15 MUPPET BABIES
- 6.36 AZAN MAGHRIB
- 6.41 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.51 MUPPET BABIES — sambungan

**MALAM**

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 THE MAKING OF . . . "The Delta Force"
- 7.52 AZAN ISYAK
- 7.58 HOT PURSUIT: "The Okay Chorale" Di sebuah bar di San Francisco, Jim beroleh pekerjaan sementara sebagai pelayan bar. Jim dan Kate terbawa ke dalam arus penghidupan sepasang penyanyi suami-isteri yang menghadapi kepincangan rumahtangga yang telah mereka bina selama 21 tahun.
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 LIPUTAN NASIONAL
- 9.55 BIMBINGAN ISLAM
- 10.05 TOO CLOSE FOR COMFORTS: "No Mas, Monroe"
- 10.30 KNOTS LANDING: "Distant Rumbling"
- 11.40 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 27 JUN

**PETANG**

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.30 360 DEGREES: "Gibraltar"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 ALF: "On The Road Again" Keluarga Tanner memutuskan untuk pergi ke khemah. Dalam perjalanan Alf merasa bosan dan mengganggu Willie memandu sehingga menyebabkan kereta mereka terbabas. Alf tidak tahan melihat seluruh keluarga bertengkar lalu melarikan diri. Jika Willie tidak menemuinya, sudah tentu pasti Alf menjadi habuan orang ramai.
- 6.20 THUNDERCATS
- 6.36 AZAN MAGHRIB
- 6.41 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.51 THUNDERCATS — sambungan

**MALAM**

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 THE WIZARD: "Trouble In The Stars" Apabila mendengar bunyi-bunyian aneh dari satelit yang sedang berlegar di angkasa, seorang ahli kaji binatang yang muda Eric Janssen fikir ia telah menemukan makhluk angkasa lepas. Apabila bunyi-bunyian itu dimainkan dalam studio Profesor John Reiner, studio dipenuhi oleh cahaya yang kuat hingga menyebabkan profesor itu mati terkaran.
- 7.52 AZAN ISYAK
- 7.58 THE WIZARD — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.40 PERTANDINGAN MENCIPTA LAGU 1987 (Siaran langsung dari Dewan Raya)
- 10.40 BIMBINGAN ISLAM
- 10.50 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: "Bercanda Dalam Duka"
- 12.30 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 28 JUN

**TENGAH HARI**

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 12.02 AL-QURAN
- 12.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.15 TUBE COMPILATION: "Marc Almon"
- 12.26 AZAN ZUHUR
- 12.31 TUBE COMPILATION—sambungan

**PETANG**

- 1.05 REAL PEOPLE
- 1.55 TAYANGAN GAMBAR: "The Corsican Brothers" Dibintangi oleh Douglas Fairbanks, Jr., Ruth Warwick dan lain-lain. Cerita yang mengisahkan sepasang saudara kembar yang sama-sama hendak membalas dendam terhadap pembunuh ibu-bapa mereka semasa di Pulau Corsica. Kedua-dua mereka ini mencintai gadis yang sama.
- 3.25 SMURFS
- 3.51 AZAN ASAR
- 3.56 SILVERHAWKS: "Darkbird"
- 4.20 DRAMA (SBC): "Tekad"
- 5.00 SPORTS: Embassy World Darts — Separuh Akhir Pertama
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 SELINGAN
- 6.15 GROWING PAINS: "Springsteen" Mike tidak henti-henti diusik oleh kawan-kawan setelah ia dan Jason menyaksikan konsert Bruce Springsteen — seorang penemuduga TV menggambarkan cara Jason yang berlebihan dalam menunjukkan kasih sayang terhadap anaknya.
- 6.36 AZAN MAGHRIB
- 6.41 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.51 GROWING PAINS — sambungan

**MALAM**

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 ALLO ALLO
- 7.52 AZAN ISYAK
- 7.58 MATLOCK: "Matlock: Dairy Of A Perfect Murder" (Siri baru) Seorang peguamcara Ben Matlock dan anaknya Charlene Matlock, juga seorang peguamcara berganding bahu dalam membela seorang wartawan televisyen yang dituduh membunuh isterinya. Wartawan itu mengaku tidak bersalah tetapi enggan memberikan alibi yang boleh menyelamatkannya.
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 BIMBINGAN ISLAM
- 9.35 SUDUT ASIA
- 10.05 6TH ASEAN FESTIVAL OF PERFORMANCE ARTS 1987: "Country Night Persembahan Philippines"
- 10.55 SPEARFIELD'S DAUGHTER
- 11.45 THE EDGE OF DARKNESS
- 12.20 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 29 JUN

**PETANG**

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN.
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 UNDER FIVE
- 4.55 CARTOONS
- 5.20 WORLD ABOUT US: "The Educated Trout"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 WORLD ABOUT US — sambungan
- 6.15 EDISON TWINS
- 6.36 AZAN MAGHRIB
- 6.41 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.51 EDISON TWINS — sambungan

**MALAM**

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 WHO'S THE BOSS?
- 7.45 HEART OF THE CITY: "Episod Pengenalan" (Siri baru) Kennedy telah meminta bantuan Robin dan Kevin untuk persiapan bagi pertemuannya dengan Kathy. Tetapi Kathy telah memberitahu Kennedy yang ia tidak dapat datang kerana Kennedy pasti akan menentang kepulangan Ricky. Kennedy begitu terharu dengan persiapan makan malam yang disediakan sepenuhnya oleh Robin bagi pertemuan tersebut. Ia mendakap mesra Robin dan Kevin. Mereka sekali lagi telah menjadi satu keluarga semula.
- 7.52 AZAN ISYAK
- 7.57 HEART OF THE CITY — sambungan
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 LIPUTAN NASIONAL
- 9.55 BIMBINGAN ISLAM
- 10.05 SUPERSTAR OF WRESTLING
- 11.00 TAYANGAN GAMBAR: "Race For The Yankee"
- 12.40 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 30 JUN

**PETANG**

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 STANLEY BERGSHAW
- 4.55 THE KID FROM 47A: "The Runaway" Kanak-kanak telah mendengar perbualan yang mana membuat mereka memikirkan bahawa keluarga kawan mereka Binny bercadang hendak bercerai. Dalam usaha mereka untuk memainkan peranan dewa-dewa adalah amat bererti sekali tetapi tidak mendatangkan apa-apa.
- 5.20 THE PUNKY BREWSTER "The Show Must Go On"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 TUNAS BIMBINGAN
- 6.15 CHARLES IN CHARGE
- 6.36 AZAN MAGHRIB
- 6.41 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.51 CHARLES IN CHARGE — sambungan

**MALAM**

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 MARI MEMASAK: "Sotong Berinti" (Resepi masakan ini ada dimuatkan di muka lain akhbar ini)
- 7.52 AZAN ISYAK
- 7.58 STARMAN: "Father And Son"
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 BELIA
- 9.45 BIMBINGAN ISLAM
- 9.55 NORTH AND SOUTH
- 10.45 EASY STREET: "Be-Bopman"
- 11.20 SIARAN TAMAT.

# rtb Intisari minggu ini

## Radio Minggu Ini:

# MUSIM MENUNAIKAN IBADAH HAJI KE MEKAH

MUSIM haji tidak berapa lama lagi menjelang tiba. Seperti kelazimannya di tahun-tahun yang lalu, di tahun ini juga Perkhidmatan Radio Brunei sentiasa memberikan maklumat-maklumat yang penting, berhubung dengan perkara ibadah haji ini.

Sejak mula membukakan pendaftaran untuk menunaikan ibadah haji ke Mekah oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei, pada penghujung tahun 1986, Radio Brunei telah mula menghebahkan kepada bakal-bakal haji untuk melakukan pendaftaran tersebut di beberapa cawangan Kementerian Hal Ehwal Ugama di seluruh negara.

Selepas itu diikuti pula dengan penghebahan tarikh-tarikh berkursus haji di beberapa buah pusat ataupun tempat berkursus. Kemudiannya, bakal-bakal haji tersebut dimaklumkan lagi dengan maklumat-maklumat yang berhubungkait dengan pembayaran tambang dan bank draf haji. Menerusi siaran Radio Brunei bakal-bakal haji di negara ini terus-menerus diberikan informasi berhubung dengan ibadah haji tahun 1987/1407 Hijrah dari semasa ke semasa.

Begitulah usaha-usaha yang dilakukan oleh Perkhidmatan Radio Brunei setiap menjelangnya musim-musim ibadah haji ke Mekah. Tetapi, apa yang dijelaskan tadi, baru di peringkat awal saja. Seterusnya, Radio Brunei akan melaporkan lagi jadual-jadual penerbangan untuk pergi ke tanah suci Mekah di samping memberikan penerangan-penerangan yang lain bagi mengatasi keraguan-keraguan bakal-bakal haji tersebut.

Bagi pendengar ramai dan khasnya bakal-bakal haji di negara ini, mereka haruslah sentiasa memasang deria pendengaran mereka ke media radio, kerana setiap maklumat-maklumat baru yang dikeluarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, secara kilat pula akan disiarkan oleh Radio Brunei. Tentulah perkara ini penting diketahui oleh bakal-bakal haji tersebut. Umpamanya, tarikh-tarikh penerbangan dari Bandar Seri Begawan ke Jeddah yang telah diumumkan baru-baru ini oleh Radio Brunei. Tetapi walaupun begitu, maklumat-maklumat baru berhubung dengan penerbangan ini akan terus diberitahu dari satu masa ke satu masa, sehinggalah bakal-bakal haji kita selamat berangkat ke tanah suci Mekah.

Kemudiannya, pada masa-masa mengerjakan ibadah haji di Mekah, sekali lagi Perkhidmatan Radio Brunei akan melaporkan catatan-catatan penting yang berlaku di sana, yang akan dikirimkan terus-menerus dari kota Mekah oleh wakil Radio Brunei di sana nanti.

Sesungguhnya, Perkhidmatan Radio Brunei sentiasa menyumbangkan kerja-kerja yang berkebajikan, teristimewa sekali perkara-perkara yang berhubungkait dengan perkembangan ugama Islam di negara ini. Dan, musim menunaikan ibadah haji di kota Mekah umpamanya, Radio Brunei banyak membuat penglibatan yang begitu ketara dengan ibadah ini dari mula pendaftaran sehinggalah berakhirnya musim haji, iaitu keberangkatan pulang jemaah-jemaah haji tersebut ke tanahair sendiri nanti.

## KAJIAN PENONTON

**DIMAKLUMKAN kepada penonton-penonton televisyen bahawa pihak Radio Televisyen Brunei akan mengadakan "Kajian Penonton" mengenai dengan rancangan-rancangan televisyen yang ada pada masa ini melalui panggilan telefon ke rumah-rumah mulai dari 24 Jun hingga 8 Julai, 1987. Adalah diharapkan penonton-penonton di rumah akan dapat memberikan kerjasama mereka dalam menjayakan projek kajian penonton.**



## TETAMU RADIO

KEPADA awda yang tidak berkesempatan mengikuti siaran asal Tetamu Radio pada hari Ahad yang lalu jemputlah mengikuti siaran ulangannya pada hari ini, Rabu 24 Jun, 1987 jam 2.00 petang.

Rancangan kali ini dimuatkan dengan temuramah Ak Ahmad Pg Haji Mahmud dengan penyanyi yang mula meningkat naik, Salwa Abd Rahman.

Rancangan diterbitkan oleh Redzuan Hj Mohd Hashim.

## Mari Memasak:

# Sotong Berinti

BAHAN-BAHANNYA :—

- 5 ekor sotong yang sedang besarnya
- 7 biji telur ayam
- ½ sudu teh serbuk lada putih
- 2 batang daun bawang
- 1 cawan tepung sagu
- 2 gelas minyak untuk menggoreng
- 5 batang lidi yang panjangnya kira-kira 2cm
- Garam dan serbuk perasa, secukupnya.

UNTUK SOSNYA:

- 1 cawan tomato sos
- 2 ulas bawang putih
- ½ sudu teh minyak bijan
- 2 sudu makan tepung gandum, dibancuh dengan air
- 2 sudu makan minyak untuk menumis
- Cuka secukupnya.

CARA MEMBUATNYA:

Sotong dibersihkan sampai putih (kepala serta isi perut dibuang). Daun bawang dipotong-potong halus. 6 biji telur, dikacau lalu masukkan hirisan daun bawang, serbuk lada putih, garam dan serbuk perasa. Telur yang telah dikacau tadi dimasak sehingga kental. Sesudah masak, telur ini dimasukkan ke dalam sotong yang telah bersih dan tutup dengan lidi supaya telur ti-tidak terkeluar apabila menggoreng.

Telur yang satu lagi dikacau dan sebelum menggoreng sotong, celupkan dulu ke dalam telur ini dan kemudian digulingguling-gulingkan hingga rata di atas tepung sagu.

Sesudah itu gorenglah sotong ini hingga kuning. Hidangkan dengan sosnya.

## Sudut Remaja



TIZAN Hj Jamudin bukanlah orang baru di bidang seni suara. Dia telah mula menjinak-jinakkan diri di bidang ini sejak kecil lagi. Bermula dari mengikuti pertandingan Bintang Kecil kemudian membawa ke pertandingan Bintang Remaja.

Awda dijemput mengikuti persembahannya menerusi rancangan Alam Remaja. Siarannya pada hari Isnin 29 Jun jam 4.00 petang dan akan diulang pada hari Rabu jam 8.00 malam.

## Sandiwara Radio:

# *"Begitu Pintamu"*

PENULIS Norhisham Mustafa sekali lagi menyumbangkan skrip yang berjudul "BEGITU PINTAMU" untuk disiarkan dalam ruangan Sandiwara Radio Minggu Ini.

Sandiwara yang bertemakan rasa peri kemanusiaan terhadap orang yang menanggung penyakit yang serius ini mungkin akan dapat menimbulkan kesedaran kepada mereka yang selalu memandang jijik dan menghina terhadap orang seumpama itu.

Watak Azlan adalah seorang yang malang dan sering merasakan dirinya tidak disenangi oleh masyarakat, memandangkan ia adalah pesakit TB ataupun pengidap batuk kering. Walaupun ia merasakan begitu, Malia sebagai seorang jururawat benar-benar memberi perhatian terhadapnya.

Kerana penyakitnya itulah Tinah kekasihnya mulai menjauhkan diri darinya. Selama ia ditahan di rumah sakit pun, perhatian Tinah terhadapnya berubah. Layanannya tidak seperti dulu lagi.

Ibu Tinah sendiri tidak menggalakkan Tinah bergaul rapat dengan Azlan. Ia lebih suka Tinah berkawan dengan Herman. Perkara itu senghaja pula dibawa ke pengetahuan Azlan.

Setelah melihat perubahan sikap Tinah, keadaan Azlan semakin teruk. Ia dimasukkan lagi ke rumah sakit. Dalam hal ini, Malia cuba membantu Azlan dengan cara memujuk Tinah untuk memberi perhatiannya terhadap Azlan memandangkan keadaannya sekarang. Bantuan yang sama juga diharapkan dari Herman.

Berjayakah Malia dengan usahanya itu? Jangan ketinggalan untuk mengikuti siarannya nanti pada 28 Jun jam 11.30 pagi. Rancangan ini diterbitkan oleh Haji Abdullah Hj Awg Damit.

# ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
# KEMENTERIAN PERTAHANAN
# NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

## PENGAMBILAN LELAKI KE-73
## BERAKHIR PADA 2 SEPT. 1987

***BERKHIDMATLAH DENGAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI***



**Mendaftarlah kepada**
**Pejabat Pengambilan**
**Angkatan Bersenjata Diraja Brunei**
**Bolkiah Garison**
**Negara Brunei Darussalam**

Nama : ..........................................

No. Kad Pengenalan : .................. Warna : ..................

Tarikh Lahir : .................. Umur : ..................

Alamat Sekarang : ..........................................

..........................................

Kelulusan Sekolah : ..........................................

Nama Ayah/Penjaga : ..........................................

No. Kad Pengenalan : .................. Warna : ..................

Tarikh Lahir : .................. Tempat Lahir : ..................

Alamat Sekarang : ..........................................

..........................................

No Telefon Rumah/Pejabat : ..........................................

Tandatangan : .................. Tarikh : ..................

### NEGARA AMAN MAKMUR RAKYAT HIDUP BAHAGIA
### KEAMANAN DAN KEMAKMURAN NEGARA TERLETAK
### DI TANGAN AWDA

SYARAT-SYARAT YANG DIKEHENDAKI

1. Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Awang-Awang mestilah lulus sekurang-kurangnya Darjah 6 Melayu atau yang sebanding dengannya.
3. Berumur 17½ tahun hingga 25 tahun, bujang atau beristeri.
4. Berat badan tidak kurang 47.25 kg, tinggi tidak kurang dari 1.54 meter dan berbadan sihat.
5. Awang-Awang mestilah lulus pemeriksaan perubatan dan ujian pelajaran yang diadakan oleh ABDB.
6. Awang-Awang hendaklah berasal dari salah satu puak seperti: Brunei, Tutong, Belait, Kedayan, Dusun, Murut dan Bisaya.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1) TUKANG PELAN : (Bilangan Kod : 055 03–293)
(Di Jabatan Perhutanan, Kementerian Pembangunan)
**Tanggagaji** : D. 1-2-3 EB. 4-5 — $530-$1625 sebulan.
**Kelayakan** :
a) i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
ii) Tiga tahun pengalaman dalam membuat kerja-kerja pelan di Pejabat Akitek atau Jurutera yang diakui.
iii) Sijil Intermediate dari Institute of Architectural Draughtsmanship atau Ordinary National Diploma in Draughtsmanship dari Maktab Teknikal yang diiktiraf atau kelulusan yang sebanding dengannya.
ATAU
b) i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya dengan mendapat kelulusan dalam mata pelajaran Ilmu Hisab.
ii) Sedang dan telah berkhidmat sebagai Tukang Pelan atau Tukang Lukis selama lima tahun.

2) PEMBANTU PERIKANAN RENDAH :
(Bilangan Kod : 036 64–973)
(Di Jabatan Perikanan, Kementerian Pembangunan)
**Tanggagaji** : D. 1 EB. 2-3 — $530-$1125 sebulan.
**Kelayakan** :
a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun.
b) i) Satu mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya dan lulus sama ada mata pelajaran Ilmu Hisab atau Sains.
ii) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
iii) Berpengalaman 2 tahun dalam bidang Perikanan dan berpengalaman baik mengenai kemajuan perkembangan Perikanan di negara ini.

3) KERANI PENDAFTARAN :
(Bilangan Kod : 050 39–317)
(Di Pejabat Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri)
**Tanggagaji** : D. 3 EB. 4-5 — $900-$1625 sebulan.
**Kelayakan** :
a) i) Satu mata pelajaran Peringkat Lanjutan Sijil Am Pelajaran Peringkat Lanjutan dan 4 mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu/Inggeris/Matematik Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran.
ATAU
ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang-kurangnya tiga tahun dan mempunyai sekurang-kurang satu mata pelajaran Peringkat Biasa.
b) Boleh bertutur dan menulis Bahasa Melayu dan Inggeris dengan fasihnya.
c) Berpengalaman dalam kerja-kerja pendaftaran dan perangkaan adalah merupakan satu kelebihan.
**Tugas-tugas dan Tanggungjawab** :
a) Menerima serta meneliti dan seterusnya mendaftarkan borang-borang permohonan bekerja yang diterima dari orang ramai untuk Bahagian Pusat Pekerjaan.
b) Menyediakan laporan perangkaan harian, bulanan dan tahunan mengenai perjalanan/kegiatan Pusat Pekerjaan.

4) JURUTAYANG/PEMANDU :
(Bilangan Kod : 112 86–242)
(Di Kementerian Hal Ehwal Ugama)
**Tanggagaji** : D. 1-2-3 EB. 4-5 — $530-$1625 sebulan.
**Kelayakan** :
a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun.
b) i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.
ATAU
ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari tiga tahun.
c) Berpengalaman dan kebolehan mengenai dengan cara-cara menggunakan Projector Wayang Gambar, alat-alat pembesar suara dan generator.
d) Mempunyai Lesen memandu Kelas III.
e) Hendaklah tahu membaca dan menulis jawi.

5) JURUMESIN TINGKAT KHAS :
(Bilangan Kod : 034 84–375)
(Di Jabatan Pasukan Bomba, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri)
**Tanggagaji** : D. 3 EB. 4 — $900-$1465 sebulan.
**Kelayakan** :
a) i) Sijil City and Guilds of London dalam Bahagian Internal Combustion engine work dan lulus peperiksaan tersebut dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Internal Combustion Engine atau Vehicle works.
ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang-kurangnya tiga tahun sebagai Mekanik Tingkat I.
b) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai pengalaman mengguna dan membaiki pam-pam, jentera-jentera Bomba yang besar.

6) TUKANG KAYU : (Bilangan Kod : 009 95–143)
(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen, Jabatan Perdana Menteri)
**Tanggagaji** : D. 3 EB. 4 — $900-$1465 sebulan.
**Kelayakan** :
a) Sijil City and Guilds dalam bidang pertukangan 'Carpentry and Joinery' atau yang sebanding dengannya.
ATAU
b) i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
ii) Berpengalaman praktikal tidak kurang dari lima tahun sebagai Kakitangan Pentas dan boleh membaca 'Construction Plan".

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab** :
Bertanggungjawab kepada Pengurus Binaan, Radio Televisyen Brunei bagi membuat dan menyediakan alat-alat kelengkapan set TV mengikut Construction Plan. Memperbaiki set-set yang rosak dan bertugas, jika perlu, di lokasi-lokasi luar atau di pentas studio. Membuka atau merubuhkan set-set yang tidak dipakai lagi dan menyimpan barang-barang seperti kayu, plywood atau barang-barang lain untuk kegunaan pembinaan set-set.

**Am** :
Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa kehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan** :
Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 16 Julai, 1987.
( E/1848/85 )
Bilangan Pendaftaran : 62/1987

## PEMBERITAHUAN TAWARAN INSTITUT TEKNOLOGI BRUNEI

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa untuk membekalkan alat-alatan kursus ELECTRICAL AND ELECTRONIC ENGINEERING INSTITUT TEKNOLOGI BRUNEI.

2. Dokumen tawaran dan penerangan lanjut boleh didapati dari Pejabat Pengarah, Institut Teknologi Brunei, Jalan Muara, sewaktu pejabat dibuka.
3. Mereka yang be-minat untuk memberikan tawaran dikehendaki membayar wang cagaran sebanyak $100.00 tunai bagi setiap tawaran sewaktu mengambil dokumen tawaran. Cagaran ini akan dikembalikan kepada mereka yang tidak berjaya setelah mereka menghantar tawaran yang jujur.
4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang ditutup tanpa menunjukkan identiti pembekal dan ditanda dengan :

| Bil. Tawaran | Keterangan |
|---|---|
| ITB/ 8/87 | Centre Lather 3½" or 150 m.m. Centre Height. 2'–0" or 610 m.m. Between Centres Minimum. Back-Geared, Sliding, Surfacing and Screwcutting with Milling and Grinding Accessories. Single Phase 230 V.A.C. |
| IBT/ 9/87 | Oscilloscopes. 40 MHz Bandwidth. Double Beam. 150 m.m. x 150 m Flat Screen. With Probes Ratio 1 and 10. |
| ITB/10/87 | Logis Analysers. Thurlby 160A or Equivalent Complete with all Accessories. |
| ITB/11/87 | Engraving Machine. Deep Cut For Relief and Cut-Out Work. Auxiliary Pantograph 1/1 Ratio. Cutters For Steel, Brass, and Plastic. Vice. Cutting Area 500 x 200 m.m. At Ratio 2 230 Volt Single Phase. |

Tawaran-tawaran hendaklah dialamatkan kepada :
Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Tingkat Satu,
Kementerian Pelajaran dan Kesihatan,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

5. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di luar bilik Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan. Tarikh tutup tawaran ialah pukul 3.00 petang hari Rabu 8 Julai, 1987.
6. Pembekal hendaklah menyertakan bersama salinan sijil Pendaftaran Perniagaan.
7. Tawaran-tawaran yang tidak mempunyai penerangan yang lengkap atau yang diterima lewat dari masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat bagi menerima tawaran yang termurah atau lain-lain tawaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PELAJARAN

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa bagi PEMELIHARAAN SISTEM SUPERMINI PRIME COMPUTER INSTITUT TEKNOLOGI BRUNEI/MAKTAB TEKNIK SULTAN SAIFUL RIJAL.

2. Dokumen tawaran dan penerangan lanjut boleh didapati dari Pejabat Pengarah Institut Teknologi Brunei, Jalan Muara sewaktu pejabat dibuka.
3. Mereka yang berminat untuk memberikan tawaran dikehendaki membayar wang cagaran sebanyak $100.00 tunai sewaktu mengambil dokumen tawaran. Cagaran ini akan dikembalikan kepada mereka yang tidak berjaya setelah mereka menghantar tawaran yang jujur.
4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang ditutup tanpa menunjukkan identiti pembekal dan ditanda dengan :

| Bil. Tawaran | Keterangan |
|---|---|
| ITB/ 7/87 | Pemeliharaan Sistem Supermini Prime Computer, Institut Teknologi Brunei / Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal. |

5. Tawaran-tawaran hendaklah dialamatkan kepada :
Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Tingkat Satu,
Kementerian Pelajaran,
Jalan Lapangan Terbang Lama,
Berakas,
Negara Brunei Darussalam.
6. Tarikh tutup tawaran ialah pukul 3.00 petang hari Rabu 8 Julai, 1987.
7. Pembekal-pembekal yang tidak mempunyai penerangan yang lengkap atau yang diterima lewat dari masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat bagi menerima tawaran yang termurah atau lain-lain tawaran.

## TAWARAN JABATAN STOR DAN PERBEKALAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 13 Julai, 1987 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara :

| | | |
|---|---|---|
| **TAWARAN BIL. 36/1987** | | |
| Shelltox Aerosol with Vapona 284 ML. | — | 70,000 Tins |
| **TAWARAN BIL. 37/1987** | | |
| Toilet Paper Roll, 2-Ply (100 grm Roll) | — | 60,000 Rolls |
| **TAWARAN BIL. 38/1987** | | |
| Antiseptic — Germicide "Dettol" No. 8 (250 ml) | — | 36,000 Btls. |
| **TAWARAN BIL. 39/1987** | | |
| 'BEAVER' Model SDR 74, Backpack Type Grass Cutter, Driven by 31.7 cc Petrol Engine c/w Flexible and Adjustable Handle | — | 300 Nos. |
| **TAWARAN BIL. 40/1987** | | |
| (a) Battery, Exide, 6TXMZ — 15L, 12 Volts 15 Plates, 95 AH | — | 200 Nos. |
| (b) Battery 12 Volts, 13 Plates, 'N 70' | — | 250 „ |
| (c) Battery 12 Volts, 21 Plates, 120 AH — N120 | — | 200 „ |
| (d) Battery Exide, 12 Volts, 29 Plates, 200 AH, N200 PP | — | 120 „ |
| (e) Battery 12 Volts, 11 Plates, 35 AH, NS40ZL | — | 200 „ |

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

1.0 Nama Projek :
BILANGAN TAWARAN : JKP/08/1987
CADANGAN PADANG PERMAINAN KANAK-KANAK DI KAWASAN LAMBAK KANAN.
2.0 Dokumen dan syarat-syarat tawaran boleh dilihat dan didapati dari :
Jabatan Kemajuan Perumahan,
Tingkat 3,
Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Kawasan Lapangan Terbang Lama,
Negara Brunei Darussalam
mulai hari Rabu 1 Julai hingga 21 Julai, 1987.
3.0 Kelayakan pemborong : Kelas "AX" yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.
4.0 Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (dokumen) + $150.00 (lukisan)
5.0 Tarikh tutup : Hari Rabu 22 Julai, 1987 jam 12.00 tengah hari.
6.0 Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong dan ditujukan kepada :
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Pejabat Setiausaha Tetap (T),
Tingkat 1,
Bangunan Kementerian Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. TUKANG ELEKTRIK

(Bilangan Kod: 009 85 — 553)

(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen, Jabatan Perdana Menteri)

**Tanggagaji:** E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan:**

a) i) Telah menamatkan kursus Pertukangan City and Guilds 823 atau yang sebanding dengannya dan sekurang-kurangnya mempunyai pengalaman praktikal selama setahun dalam kerja-kerja pemasangan elektrik.

ATAU

ii) Sijil Rendah Pelajaran Brunei serta sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman dalam pemasangan elektrik dan membaiki alat perkakas elektrik juga boleh dipertimbangkan.

b) Pemohon-pemohon akan dikehendaki untuk menjalani satu ujian kemahiran praktikal.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

Menjalankan kerja-kerja rawatan am di bangunan-bangunan Radio Televisyen Brunei atau menjalankan tugas-tugas berkaitan dengan kegiatan operesen RTB dan bekerja di luar pejabat.

2) PENGAPAI:

(Bilangan Kod: 112 59 — 220).

(Di Kementerian Hal Ehwal Ugama)

**Tanggagaji:** E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Berumur tidak kurang dari 25 tahun hingga 45 tahun.

b) i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya. Lulus Darjah VI Sekolah Ugama.

ATAU

ii) Berpengalaman yang luas dalam tugas-tugas penggapaian.

c) Tahu membaca dan menulis jawi.

3. PEMBAHAGI MAJALAH:

(Bilangan Kod: 112 37 — 091)

(Di Kementerian Hal ehwal Ugama)

**Tanggagaji:** E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun.

b) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya serta Darjah VI Sekolah Ugama.

c) Tahu membaca dan menulis jawi.

d) Pengalaman dalam kerja-kerja membahagi penerbitan kepada pelanggan-pelanggan adalah merupakan satu kelebihan.

4. ATENDAN PEJABAT:

(Bilangan Kod: 112 37 — 043)

(Di Kementerian Hal Ehwal Ugama)

**Tanggagaji:** F.1-2-3-4-5 EB. 6 — $445-$790 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun.

b) i) Sekurang-kurangnya lulus Tingkatan II dan mempunyai pengetahuan Ugama.

— ATAU

ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari 3 tahun serta mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja perkeraniaan.

**Am:**

Calon-calon yang berjaya bagi jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 23 Julai, 1987.

(E/671/75)

(Bilangan Pendaftaran: 66/1987)

### JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa bagi membekal SEARCH AND RESCUE EQUIPMENT (including CONSOLE MODULES).
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, ditulis dengan

TAWARAN BAGI MEMBEKAL
SEARCH AND RESCUE EQUIPMENT
(including CONSOLE MODULES)
Bilangan Twaran: JPA/AT/87/4
BAGI JABATAN PENERBANGAN AWAM

tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada:

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Perhubungan
Tingkat 1, Bangunan Sekretariat,
Jalan Elizabeth II,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat jam 3.00 petang pada hari Rabu 22 Julai, 1987.

3. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari pejabat Pengarah Penerbangan Awam Tingkat 4, Bangunan Operation, Lapangan Terbang Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam dengan cagaran $100.00.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### TAWARAN JKR, KUALA BELAIT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

#### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

(a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Kewangan,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

ATAU

(b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Pembangunan,
Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan,
Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

#### BIL: JKR KB 31 TAHUN 1987

TAWARAN-Tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" untuk:

PROJEK No.: AD514/1401

PEMBINAAN PERUMAHAN BAGI PEJABAT PERHUTANAN, SUNGAI LIANG, PEMBINAAN 1 BLOK X 6 UNIT FLAT KELAS C DAN 1 BLOK 12 UNIT BARIK KELAMIN.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 18 Jun, 1987.

Tarikh tutup: 1 Julai, 1987.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

#### BIL: JKR KB 33 TAHUN 1987

TAWARAN-Tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" untuk:

PROJEK No.: AD519/4501

CADANGAN IBU PEJABAT JABATAN KERJA RAYA, KUALA BELAIT PERINGAKAT I — FILING AND FOUNDATION.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 2 Julai, 1987.

Tarikh tutup: 6 Julai, 1987.
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

#### BIL: JKR KB 34 TAHUN 1987

TAWARAN-Tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'C' untuk:

PROJEK: KONTRAK PENGGAL BAGI PEMELIHARAAN ELEKTRIK DAN KERJA-KERJA MEMPERBAIKI.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 4 Julai, 1987.

Tarikh tutup: 8 Julai, 1987.
Cagaran tawaran: $100.00.

### PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PERTAHANAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BIL: MINDEF/DFP/MTB/35/1987
MEMBEKAL: SNAP-ON-TOOLS

BIL: MINDEF/DFP/MTB/36/1987
MEMBEKAL: BENCH GS

BIL: MINDEF/DFP/MTB/37/1987
MEMBEKAL: DC POWER SOURCE VRM 5080 & JIG TEST TJ5

BIL: MINDEF/DFP/MTB/38/1987
MEMBEKAL: LIFE JACKET

BIL: MINDEF/DFP/MTB/39/1987
MEMBEKAL: ARDROX

BIL: MINDEF/DFP/MTB/40/1987
MEMBEKAL: MATT DUNLOP SINGLE 6' 3" X 3' X 6"

BIL: MINDEF/DFP/MTB/41/1987
MEMBEKAL: DISINFECTANT JEYPINE 5LTR CAN

BIL: MINDEF/DFP/MTB/42/1987
MEMBEKAL: REGIMENTAL BUTTON

BIL: MINDEF/DFP/MTB/43/1987
MEMBEKAL: TEST CHAMBER PORTABLE

BIL: MINDEF/DFP/MTB/44/1987
MEMBEKAL: PURITABS

BIL: MINDEF/DFP/MTB/45/1987
MEMBEKAL: OUTDOOR FURNITURE

BIL: MINDEF/DFP/MTB/46/1987
MEMBEKAL: SUPER BISCON A/CORROSIVE BROWN

BIL: MINDEF/DFP/MTB/47/1987
MEMBEKAL: FORMING FOAM (AFFF) 6%

BIL: MINDEF/DFP/MTB/48/1987
MEMBEKAL: GROOVED FLOOR MATTING 1M. X 50M.

BIL: MINDEF/DFP/MTB/49/1987
MEMBEKAL: CAR UTILITY ASTRA 1300s

BIL: MINDEF/DFP/MTB/50/1987
MEMBEKAL: COMPORATION

BIL: MINDEF/DFP/MTB/51/1987
MEMBEKAL: ENERGY REGULATOR

BIL: MINDEF/DFP/MTB/52/1987
MEMBEKAL: CALIBRATION EQUIPMENT

BIL: MINDEF/DFP/MTB/...
MEMBEKAL: ELECTRONIC EQUIPMENT

BIL: MINDEF/DFP/MTB/54/...
MEMBEKAL: 2.5MM. ... WELDING ELECTRODE

TAWARAN-... dalam ... Pen... ga Tawaran ... teriaa ... an 150 ... Negara Brunei ... tidak lewat ... tengah hari ... Julai, 1987.

b. Dokumen-... waran ... dari Unit ... butharga ... Kementerian ... Bolkiah ... hari-hari ... Jumaat).

c. Tawaran-... dalam ... sampul ... hendaklah ... da bahagian ... kiri ... lah ... dan ... mana yang ... tarikh ... Contoh-contoh ... log-katalog ... dihantar ... dan Seb... Arah Kewangan ... bekalan ... tahanan ... Gambar-gambar ... akan dilayan.

d. Cagaran ... kal... bagi ... sebanyak ... dikembalikan ... pembekal ... tar ... fide tender ... tahu ... ya.

PEMBERITAHUAN TAWARAN ... PERKHIDMATAN ... PERKHIDMATAN ... ELEKTRIK

BIL.: PPL/MTB... TAWARAN-... dipelawa ... pemborong ... yang berdaftar ... 'B' sahaja ... oleh Lembaga ... Tender ... Bangunan ... Tetap ... Bangunan ... Lama, Berakas ... 12.30 ... 24 Jun, 1987 ... berikut:—

ELECTRICITY ... TO TELISAI ... LANDLESS ... PART ... TION OF ... ER CABLE ... LAR STEEL ... CONSTRUCTION ... KV OUTDOOR STATION

Dokumen-... nerangan-... lanjut ... dari Jabatan ... Perkhidmatan ... pangan Terbang ... Berakas, Negara ... salam.

Deposit ... tawaran ... $100.00.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SEBAGAI PEREKA DAN SEBAGAI PELUKIS ANIMASI

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN, BAHAGIAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

1. PEREKA
(Bilangan Kod: 009 16 — 263)

**Tanggagaji**: C. 2 EB. 3 — $1450-$2270 sebulan.

**Kelayakan :**

a) College Diploma in Art and Design atau kelulusan Diploma lain dalam bidang Rekabentuk, Grafik atau Fine Arts yang diiktiraf oleh Kerajaan.

ATAU

b) i) Sedang dan telah berkhidmat sebagai Penolong Pereka sekurang-kurangnya 5 tahun serta berpengalaman dalam rekabentuk set.

ii) Mempunyai latarbelakang akademik yang baik dan pengetahuan dalam bidang asas membuat pelan akan diutamakan.

c) Berpengalaman 3 tahun bekerja di sebuah pejabat Arkitek atau jawatan kanan Mereka Set Televisyen di badan-badan penyiaran atau televisyen luar negeri adalah satu kelebihan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

Mereka set untuk rancangan-rancangan televisyen.

2. PELUKIS ANIMASI
(Bilangan Kod: 009 16 — 140)

**Tanggagaji**: C. 2 EB. 3 — $1450-$2270 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Diploma dalam bidang Grafic Design atau Animation, atau Art dan Design atau kelulusan yang sebanding dengannya.

ATAU

b) Berpengalaman sebagai Penolong Pereka sekurang-kurangnya 3 tahun.

ATAU

c) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam Bahagian IV serta berpengalaman dalam bidang kerja-kerja yang berkaitan dengan lukisan Animasi sekurang-kurangnya 5 tahun.

**Lain-lain Syarat :**

Pemohon-pemohon hendaklah dapat membuktikan kebolehan dalam melaksanakan kerja-kerja animasi dengan menunjukkan portfolio kerja, contoh-contoh kerja atau projek yang telah dihasilkan. Mempunyai daya kreatif yang baik dalam menghasilkan konsep dan teknik animasi.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

a) Menghasilkan kerja-kerja animasi filem dan video, dan mengendalikan projek-projek animasi kepada Ketua Pereka.

b) Bekerja rapat dengan Pelukis Grafik dan Penerbit bagi tujuan penerbitan rancangan televisyen.

c) Menyediakan konsep, lukisan-lukisan dan persediaan-persediaan bagi projek animasi. Menyelaras, mengkaji dan melaksanakan dengan menggunakan sumber-sumber, bahan dan masa yang ditentukan untuk mendapatkan pencapaian animasi yang efektif, ekonomikal dan bermutu tinggi.

d) Berkebolehan mengendalikan Rostrum dan Kamera animasi dan alat-alat yang bersangkutan dengan penghasilan animasi. Menyunting dan menyantumkan audio dengan visyen bagi projek animasi.

**Syarat-syarat Lantikan :**

Pemohon-pemohon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama 3 tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar (tertakluk kepada prestasi kerja-kerja yang memuaskan). Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25% daripada gaji setelah genap menamatkan kontrak.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah genap menamatkan tempoh percubaan.

**Am :**

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5. Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 17 Ogos, 1987.

(Bilangan Pendaftaran : 61/1987)

(E/552/77)

## Di Dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. a) PEMANDU TINGKAT KHAS
(Bilangan Kod: 002 98 — 502)
(Di Jabatan Adat Istiadat, Jabatan Perdana Menteri)

b) PEMANDU KERETA TINGKAT KHAS

i) (Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan Bahagian Penyiaran, Jabatan Perdana Menteri)
(Bilangan Kod: 009 98 — 506)

ii) (Di Jabatan Muzium-Muzium, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)
(Bilangan Kod: 068 98 — 506)

**Tanggagaji**: E. 2-3 EB. 4 — $590-$875 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Berumur di antara 30 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.

b) Berpengalaman sebagai Pemandu tidak kurang dari 10 tahun yang mana 5 tahun daripadanya sebagai Pemandu Tingkat (I) satu.

c) Mempunyai lesen memandu Kelas 3 dan 5 yang dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

d) Berpengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

2. OPERATOR TELEFON/ RECEPTIONIST
(Bilangan Kod: 002 39 — 417)
(Di Jabatan Adat Istiadat, Jabatan Perdana Menteri)

**Tanggagaji** : E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan :**

a) i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

ATAU

ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan serta berpengalaman sebagai Penyambut Tetamu/Telefon Operator tidak kurang dari 3 tahun.

b) Boleh bertutur dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab ;**

Selain daripada menjadi Penyambut Tetamu, calon calon yang berjaya akan juga dikehendaki membantu kerja-kerja pejabat jika diperlukan.

3. PENGHANTAR SAMAN
(Bilangan Kod: 112 37 — 051)
(Di Kementerian Hal Ehwal Ugama)

**Tanggagaji** : E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Umur 18 tahun ke atas.

b) i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

ATAU

ii) Berpengalaman dalam kerja-kerja penghantaran saman dalam perkhidmatan Kerajaan tidak kurang dari 2 tahun.

**Am :**

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 23 Julai, 1987.

(Bilangan Pendaftaran : 70/1987)

(E/1835/76)

## Sebagai Pakar X-ray

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk dilantik sebagai PAKAR X-RAY di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

(Bilangan Kod : 062 06 — 123).

Tanggagaji : M. 18 B$6,800 sebulan (tetap) dan elaun 'M' B$1,250 sebulan.

Atau

M. 19 B$8,000 sebulan (tetap) dan elaun 'M' B$1,500 sebulan.

**Kelayakan :**

Ijazah Perubatan.

Fellowship of the Royal College of Radiologists atau kelayakan yang sebanding dengannya.

Pengalaman praktikal dalam bida g 'clinical ultrasound' adalah perlu.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

Membantu Pakar X-Ray Kanan dalam kerja-kerja memberi perkhidmatan 'Radiological' dan 'Radiodiognosis' di seluruh negara.

**Syarat-syarat Lantikan :**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama dua tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar (tertaklok kepada prestasi kerja-kerja yang memuaskan). Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus daripada gaji setelah menamatkan kontrak.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan.

**Am :**

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 10 Ogos, 1987.

(E/755/75/2)

(Bilangan Pendaftaran : 64/1987).

## DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI PENGUASA WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN

### No. 82/1987

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Haji Ibrahim bin Tuah kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Danan bin Haji Ibrahim yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah bapa kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 30 Jun, 1987 jam 9.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 10 Jun, 1987.

### No. 84/1987

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Haji Mohamad bin Haji Daud @ Haji Salleh kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Awang Hj. Daud bin Abd. Salam yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 30 Jun, 1987 jam 10.15 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 11 Jun, 1987.

### No. 97/1987

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Dayang Ayirani binti Hassan kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Awang Samat bin Abdul Hamid yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 30 Jun, 1987 jam 9.30 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 6 Jun, 1987.

### No. 105/1987

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Tinggal bin Haji Bangkol kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Haji Bangkol bin Nudin yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 30 Jun, 1987 jam 9.45 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 11 Jun, 1987.

### No. 115/1987

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Pg. Ibrahim bin Pg. Haji Kahar @ Pg. Jamaluddin kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Pg. Haji Kahar bin Pg. Haji Besar @ Pg. Haji Kahar bin Pg. Haji Abdul Razak yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 30 Jun, 1987 jam 10.45 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 13 Jun, 1987.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN JABATAN KERJA RAYA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### BIL: JKR 197 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'A' sahaja untuk:

PROJEK No.: AR507/1301

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BATU-BATU PECAH UNTUK CADANGAN JALAN PENGHUBUNG KIARONG (PERINGKAT 1), BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, hingga jam 4.00 petang hari Khamis 25 Jun, 1987.

Tarikh tutup: 29 Jun, 1987.
Cagaran tawaran: $1,000.00.

### BIL: JKR 198 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/GUR004

PEMBINAAN 2 TINGKAT PEJABAT DAN BLOK STOR BAGI PASUKAN ASKAR-ASKAR ANJING DI PERKHEMAHAN GURKHA SUNGAI AKAR, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 27 Jun, 1987.

Tarikh tutup: 1 Julai, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 199 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/PTN002

PEMBINAAN 3 UNIT BARIK DI KAMPONG LAMUNIN, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 27 Jun, 1987.

Tarikh tutup: 1 Julai, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 200 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/PTN002

MEMASANG PAGAR KESELAMATAN UNTUK PUSAT PERTANIAN DI RAMBAI, DAERAH TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 27 Jun, 1987.

Tarikh tutup: 1 Julai, 1987.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 201 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/PEL029

PEMBINAAN SATU BLOK TANDAS BAGI SEKOLAH RENDAH SENGKURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 27 Jun, 1987.

Tarikh tutup: 1 Julai, 1987.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 202 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" untuk:

PROJEK No.: 87AB/JPD001

PEMBINAAN SATU BLOK TANDAS DAN GARAGE DI IBU PEJABAT JABATAN KENDERAAN DARAT, JALAN GADONG, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 27 Jun, 1987.

Tarikh tutup: 1 Julai, 1987.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 203 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/KBS011

KERJA-KERJA PELINDUNGAN TAMBAHAN BAGI PINTU PAGAR BESI KEMBAR DAN SEBAGAINYA DI STADIUM NEGARA HASSANAL BOLKIAH, BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 27 Jun, 1987.

Tarikh tutup: 1 Julai, 1987.
Cagaran tawaran: $100.00.

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Kewangan,
   Jalan James Pearce,
   Bandar Seri Begawan.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   ATAU

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
   Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: JKR 204 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/PTN012

MEMASANG PAGAR BERDURI DI STESEN PERTANIAN, SEMABAT, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 27 Jun, 1987.

Tarikh tutup: 1 Julai, 1987.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: JKR 205 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/22407

PEMBINAAN STOR BAGI SEKOLAH RENDAH, BOKOK, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 27 Jun, 1987.

Tarikh tutup: 1 Julai, 1987.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 206 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'A' sahaja untuk:

PROJEK No.: AD524/0501

KOMPLEKS KUARTERMASTER, BATTALION PERTAMA, ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI, BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 9 Julai, 1987.

Tarikh tutup: 13 Julai, 1987.
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 207 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'A' sahaja untuk:

PROJEK No.: 87AW/13700

PEMBINAAN PAM-PAM, TANGKI-TANGKI DAN SALURAN PAIP BAGI BEKALAN AIR DARI KAMPONG KENUA KE KAMPONG TEMADA, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 9 Julai, 1987.

Tarikh tutup: 13 Julai, 1987.
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 208 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD527/0401

KOMPLEKS KUARTERMASTER, ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI, MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 ... Khamis 9 Julai, 1987.

Tarikh tutup: 13 Julai, 1987.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00

### BIL: JKR 209 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari ... borong dan Pembekal-pembekal untuk:

PROJEK No.: 87AW/28700

MEMBEKALKAN DUA (2) UNIT ... PAC BULK TRANSPORT TANKER ... CAPACITY TANK MOUNTED.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan ... didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan ... Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 ... Khamis 2 Julai, 1987.

Tarikh tutup: 6 Julai, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 210 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari ... borong dan Pembekal-pembekal untuk:

PROJEK No.: 87AW/28700

MEMBEKALKAN DUA (2) UNIT ... TING CLEANER 5,000 LITRES ... MOUNTED.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan ... didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan ... Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 ... Khamis 2 Julai, 1987.

Tarikh tutup: 6 Julai, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 211 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari ... borong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/000934

MEMBAIKI SEPENUHNYA, MENCAT ... DAN MENUKAR ATAP KOMPLEKS ... YANG SEDIA ADA DI SEKOLAH ... ORANG KAYA BESAR IMAS, JALAN ... NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan ... didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan ... Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 ... Sabtu 4 Julai, 1987.

Tarikh tutup: 8 Julai, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 212 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari ... borong dan Pembekal-pembekal Am untuk:

PROJEK No:: 87AB/001008

MENGADAKAN SARUNG TILAM ... BATAN KERJA RAYA BAHAGIAN ... SELAMA LAPAN BELAS BULAN, ... NEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan ... didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan ... Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 ... Sabtu 4 Julai, 1987.

Tarikh tutup: 8 Julai, 1987.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: JKR 213 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari ... borong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/PTN040

PEMBINAAN STOR BAGI STESEN ... PERTANIAN PUNI, TEMBURONG, ... BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan ... didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan ... Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 ... Sabtu 4 Julai, 1987.

Tarikh tutup: 8 Julai, 1987.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 ...

### BIL: JKR 214 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari ... borong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/PDP003

MENGUBAHSUAI BILIK BERITA DI ... AN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI ... DAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI ... RUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan ... didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan ... Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 ... Sabtu 4 Julai, 1987.

Tarikh tutup: 8 Julai, 1987.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: JKR 215 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari ... borong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/000939

MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA ... RUHAN PUSAT PERKEMBANGAN ... LUM, JABATAN PELAJARAN, JALAN ... KAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan ... didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan ... Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 ... Sabtu 4 Julai, 1987.

Tarikh tutup: 8 Julai, 1987.
Cagaran tawaran: $100.00.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### BIL: JKR 216 TAHUN 1987

TAWARAN-Tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : 87AB/000940

MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA KESEMUA BANGUNAN YANG SEDIA ADA BAGI SEKOLAH RENDAH PG MUDA MAHKOTA, KUALA TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan dapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 4 Julai, 1987.

Tarikh tutup : 8 Julai, 1987.

Cagaran tawaran : $100.00.

## TAWARAN MENGURUS KANTIN DAN KEDAI RUNCIT JERUDONG PARK

TAWARAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon bumiputera yang mempunyai lesen perniagaan untuk menyewa dan menguruskan kantin dan kedai runcit (Provision Shop) di Jerudong Park.

Tawaran adalah untuk tempoh TIGA tahun.

Borang tawaran hendaklah disertakan kenyataan lengkap seperti lesen perniagaan, pengalaman lalu serta senarai barang-barang makanan, minuman dan jenis-jenis masakan termasuk harganya. Bagi barang-barang kedai runcit tidaklah perlu diberi senarai nama-nama barang dan harga, tetapi jabatan ini akan sentiasa mengawasi barang-barang dan harga yang ditetapkan.

Pemohon hendaklah menyatakan kadar sewa yang ditawarkan.

Pemohon hendaklah membayar cagaran (deposit) sebanyak $300.00 tunai dan wang cagaran akan dikembalikan kepada pemohon yang tidak berjaya.

Pemohon yang berjaya dikehendaki menyediakan perkhidmatan seperti berikut : —

a. Khidmat menggunakan pelayan kantin (waiter service type)
b. Khidmat layan sendiri (self service counter)
c. Boleh menyediakan makanan dan minuman bagi orang-orang kenamaan bila diperlukan.
d. Menyediakan makanan dan minuman yang ditanggung halal mengikut hukum Islam.

Pemohon yang berjaya tidak dibenarkan sama sekali menyewakan semula kepada orang lain dan jika didapati berbuat demikian kebenaran akan dibatalkan.

Pemohon yang berjaya dikehendaki menjalankan perkhidmatan dari 0700 pagi hingga 1000 malam.

Pemohon yang berjaya dikehendaki menyediakan pelayan yang cukup dan berpakaian seragam serta bersopan santun bila melayan pelanggan.

Pemohon yang berjaya adalah bertanggungjawab ke atas kebersihan dan keselamatan termasuk kawasan dan perkakas kantin.

Pemohon yang berjaya mestilah membayar bekalan air, elektrik dan telefon yang digunakan.

Alat-alat perkakas seperti dapur, peti sejuk, meja dan kerusi dan lain-lain kemudahan asas adalah disediakan.

Pemohon adalah dibenarkan untuk melawat dan melihat bangunan dan kawasan kantin ini pada waktu bekerja dengan menghubungi Kuartermaster Jerudong Park.

Segala tawaran hendaklah dialamatkan kepada :

Pengerusi
Lembaga Tawaran
Kementerian Kewangan
Tingkat 4
Jalan James Pearce
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam.

Permohonan akan ditutup pada 6 Julai, 1987.

Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke peti tawaran yang terletak di tingkat 4, Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga jam 1200 tengah hari, hari Isnin 6 Julai, 1987.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

## TAWARAN JABATAN LAUT KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN BIL. JL/13/1987

Tawaran-tawaran akan diterima dari limbungan kapal kategori MEA Kelas 2 dan 3 atau dari limbungan kapal lain yang berkebolehan bagi CONVERSION OF PANCAR FROM INBOARD TO OUTBOARD ENGINE, Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Cagaran tawaran : $100.00.

PEMBERITAHUAN TAWARAN BIL. JL/14/1987

Tawaran-tawaran akan diterima dari pembekal-pembekal bagi THE SUPPLY AND INSTALL ONE OUTBOARD ENGINE OF UP TO 150HP AND STEERING GEAR, Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Dokumen-dokumen tawaran dan syarat am kontrak boleh diperolehi dari Pejabat Pengarah Laut, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam setelah membayar wang cagaran seperti yang dinyatakan.

Tarikh tutup : 1 Julai 1987 jam 3.00 petang.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

| Bil. Tawaran | Keterangan | Cagaran |
|---|---|---|
| UBD/E8/14/87 | Membekal dan Memasang i) Microcomputer, Peripherals and software ii) Microcomputer, Laser printer and software for desktop publishing system. | $300.00 |

Syarat-syarat Tawaran

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di luar bilik Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-perkhidmatan :

   Tingkat Satu,
   Kementerian Pelajaran,
   Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Negara Brunei Darussalam.

   Tidak lewat jam 3.00 petang pada hari Rabu 1 Julai, 1987.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk dan bilangan tawaran sepertimana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran itu, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada :

   Pengerusi,
   Lembaga Tawaran Kecil,
   Kementerian Pelajaran,
   Tingkat Satu,
   Lapangan Terbang Lama,
   Berakas,
   Negara Brunei Darussalam.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Unit Penyelaras Tawaran, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-perkhidmatan, Kementerian Pelajaran, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

   Waktu menerima cagaran tawaran adalah seperti berikut : —

   | | | |
   |---|---|---|
   | Isnin–Khamis | 8.30 pagi – 11.00 pagi | |
   | | 2.00 petang – 3.00 petang | |
   | Sabtu | 8.30 pagi – 10.00 pagi | |
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dengan wang tunai pada setiap tawaran. Cagaran akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN TELEKOM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN RANCANGAN P4D0106/87

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong Kelas A atau B yang berdaftar dengan Jabatan Telekom.

2. Tawaran-tawaran ini ialah bagi pemasangan/pembinaan Manholes, Laying Ducts and Cables and Erecting Cabinets and Distribution Poles.

3. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Negara Brunei Darussalam di Bangunan Sekretariat (Kementerian Perhubungan) di Jalan Elizabeth, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Rabu 22 Julai, 1987.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat biasa dan hendaklah bertutup bertanda "SALAR —JALAN MUARA CONSTRUCTION OF MANHOLES, LAYING CONDUITS AND CABLES".

5. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut boleh diperolehi dari pejabat Pengarah Telekom, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dengan cagaran tawaran $1,000.00 yang akan dikembalikan kepada setiap tawaran yang tidak berjaya. Cagaran tawaran akan menjadi milik kerajaan bagi pemborong yang gagal menghantar sebarang tawaran.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau sebarang tawaran.

7. Perbincangan bersama dengan wakil Pengarah di tempat pemasangan/pembinaan adalah satu syarat yang dimestikan bagi tawaran dan bakal pemborong-pemborong pada jam 10.00 pagi hari Rabu, 8 Julai, 1987 di Ibusawat Telefon Baharu Salar, Kampong Salar, Negara Brunei Darussalam. Tawaran-tawaran tidak akan diterima dari pemborong-pemborong yang tidak hadir bagi perbincangan bersama di tempat pemasangan/pembinaan.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN LAUT KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

1. PEMBERITAHUAN TAWARAN BIL. : JL/15/1987

   Tawaran-tawaran akan diterima dari limbungan kapal kategori MEA Kelas 2 dan 3 atau dari limbungan kapal lain yang berkebolehan bagi DRYDOCKING AND REPAIR OF PILOT VESSEL SERI BANDAR, Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

   Cagaran tawaran : $100.00.
2. PEMBERITAHUAN TAWARAN BIL. : JL/16/87

   Tawaran-tawaran akan diterima dari limbungan kapal kategori MEA Kelas 2 dan 3 atau dari limbungan kapal lain yang berkebolehan bagi DRYDOCKING AND REPAIR OF PILOT VESSEL SERI ALAN, Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

   Cagaran tawaran : $100.00.
3. Dokumen-dokumen tawaran dan syarat am kontrak boleh diperolehi dari Pejabat Pengarah Laut, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam setelah membayar cagaran seperti yang dinyatakan.
4. Tarikh tutup : 22 Julai 1987 jam 3.00 petang.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

**BIL. : PPL/TB/23/1987**

Tajuk kerja : MEMBEKAL, MEMASANG DAN MEMELIHARA SATU SET WATER COOLED PACKAGED RECIPROCATING CHILLER UNIT DI RBA 747 HANGAR, BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT, FOR A PERIOD OF ONE YEAR.

Cengkeram : $200.00.

Tarikh tutup : 13 Julai, 1987 (hari Isnin) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup : Peti Tawaran, Kementerian Kewangan.

Kelayakan pemborong : Kelas "A" atau "B", Hawa Dingin.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

**BIL. : PPL/MTB/180/1987**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan, Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk : SUPPLY AND DELIVERY OF INDUSTRIAL SAFETY BOOTS.

Cagaran : $100.00.

Tarikh tutup : 8 Julai, 1987.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

**BIL. : PPL/TB/24/1987**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Civil (JKR) yang berdaftar Kelas 'B' dan 'AX' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 29 Jun 1987 bagi kerja-kerja berikut : —

TENDER FOR PROPOSED WEATHER COVER STORAGE / YARD ETC AT 66KV SUBSTATION PASIR PUTIH, TUTONG DISTRICT.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah $1,000.00.

**BIL. : PPL/MTB/202/1987**

Tajuk kerja : PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK CADANGAN UBAHSUAI BANGUNAN LAMA IBU PEJABAT KASTAM (BAHAGIAN SEBELAH BARAT) PHASE II, B.S.B.

Cengkeram : $200.00.

Tarikh tutup : 8 Julai, 1987 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup : Peti Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan.

Kelayakan pemborong : Kelas 'A' atau 'B' (Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

**BIL. : PPL/MTB/203/1987**

Tajuk kerja : PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK KLINIK PHC DI SINAUT, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Cengkeram : $100.00.

Tarikh tutup : 8 Julai, 1987 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup : Peti Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan.

Kelayakan pemborong : Kelas : "A", "B" atau "C" (Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah di perolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Pekhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

**BIL. : PPL/MTB/204/1987**

Tajuk kerja : PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK KLINIK PHC DI RAMBAI, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Cengkeram : $100.00.

Tarikh tutup : 8 Julai, (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup : Peti Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan.

Kelayakan pemborong : Kelas : "A", "B" atau "C" (Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Pekhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

**BIL. : PPL/MTB/205/1987**

Tajuk kerja : PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK KLINIK PHC DI TELISAI, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Cengkeram : $100.00.

Tarikh tutup : 8 Julai, 1987 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup : Peti Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan.

Kelayakan pemborong : Kelas : "A", "B" atau "C" (Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1) PEGAWAI ISTILAH: (Bilangan Kod: 056 19–506)

(Di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

**Tanggagaji:** C. 2 EB. 3 — $1450-$2270 sebulan.

**Kelayakan:**

a) i) Diploma dalam bidang yang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

ATAU

ii) Dua mata pelajaran Peringkat Lanjutan Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya. Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja bahasa tidak kurang dari tiga tahun.

ATAU

iii) Empat mata pelajaran dalam Sijil Am Peringkat Biasa atau 5 tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan dengannya.

b) Mempunyai inisiatif untuk merancang kerja-kerja bagi kemajuan dan perkembangan bahasa.

c) Dapat membaca dan menulis jawi dengan baik.

d) Menguasai bahasa Inggeris dan bahasa ketiga merupakan satu kelebihan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

a) Berkerjasama dalam menjayakan rancangan dan aktiviti cawangan.

b) Membimbing dan mengawas Penolong Pegawai Istilah.

c) Menjadi Setiausaha atau Penolong Setiausaha Jawatankuasa Istilah.

d) Berkerjasama dengan Pegawai Istilah Kanan atau Ketua Cawangan bagi mempastikan supaya Jawatankuasa Istilah bekerja mengikut kehendak Jawatankuasa Bahasa Melayu dan Rancangan Tahunan Cawangan serta Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa.

e) Membantu persediaan daftar peristilahan.

f) Mengumpul data dan menyimpan rekod kemajuan Jawatankuasa Bahasa Melayu dan Jawatankuasa Istilah.

g) Membantu Setiausaha Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu.

h) Menjadi penceramah dalam kegiatan mengadakan taklimat/kursus/penerangan tentang istilah di dalam dan luar Dewan Bahasa dan Pustaka jika dikehendaki.

2) PENJADUAL: (Bilangan Kod: 093 08–320)

(Di Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Kementerian Kewangan)

**Tanggagaji:** C. 2 EB. 3 — $1450-$2270 sebulan.

atau

C. 3 EB. 4 — $1990-$2620 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Higher National Diploma dalam Computer Studies atau kursus yang sebanding dalam penjadualan (programming) bagi tempoh yang tidak kurang dari dua tahun akademik dan pengalaman bekerja adalah satu kelebihan.

ATAU

g) Ordinary National Diploma dalam Computer Studies atau kursus yang sebanding dalam penjadualan (programming) bagi tempoh tidak kurang dalam satu tahun akademik dan berpengalaman dalam penjadualan (programming) tidak kurang dari 5 tahun di sebuah syarikat/perbadanan dalam penggunaan bahasa komputer COBOL, IDMS, TME-TO dan RPG II.

ATAU

c) i) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam Bahagian III.

ii) Dua mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran.

iii) Berpengalaman menjadual (programming) tidak kurang dari 5 tahun dan pandai menggunakan bahasa komputer COBOL, IDMS, TME-TO dan RPG II.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

Membuat penjadualan (programming) dan juga membantu Sistem Penganalisaan dalam beberapa segi perkembangan sistem.

3) PENOLONG PEGAWAI LAUT:

(Bilangan Kod: 060 02–444)

(Di Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan)

**Tanggagaji:** C. 1-2 EB. 3 — $1280-$2270 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Berumur tidak kurang dari 34 tahun, dan mempunyai sekurang-kurangnya 18 tahun dalam perkhidmatan laut di mana sekurang-kurangnya 5 tahun berada di dalam kedudukan yang tidak rendah dari Serang Tingkat I atau lantikan yang sebanding.

b) Sijil Kecekapan sebagai Master Local Trade Ship.

c) Berpengalaman yang meluas mengenai perairan Negara Brunei Darussalam. Pengalaman dalam kerja-kerja pemanduan adalah merupakan satu kelebihan.

d) Mempunyai sifat kepimpinan dan berkemampuan untuk mengurus dan mengawasi kakitangan bawahan dalam pelaksanaan tugas-tugas mereka masing-masing. Boleh membaca laporan-laporan, senarai-senarai kerosakan dan rang untuk inden-inden bagi barang-barang simpan dan kerja-kerja membaiki.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

Bertanggungjawab terhadap pengawasan harian alat-alat atas dek di dalam kapal-kapal besar dan kecil. Membantu mengawal bahagian atas dek dan menyediakan kakitangan atas dek untuk kapal-kapal besar dan kecil. Memeriksa kapal-kapal kerajaan yang besar dan kecil setiap minggu. Membantu pegawai laut dan kerja-kerja operasi laut.

4) PEGAWAI PERANGKAAN RENDAH:

(Bilangan Kod: 062 08–114)

**Tanggagaji:** C. 1-2-3 EB. 4 — $1280-$2620 sebulan.

**Kelayakan:**

a) i) Dua mata pelajaran Peringkat Lanjutan Sijil Am Pelajaran dan lulus Ilmu Hisab dalam Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya serta 3 tahun pengalaman dalam bidang perangkaan.

ATAU

ii) Empat mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran serta 5 tahun pengalaman dalam bidang perangkaan.

ATAU

iii) Lulus Bahagian I dari Peperiksaan Institute of Statistician atau Sijil-sijil yang sebanding dengannya serta 3 tahun pengalaman dalam bidang perangkaan.

b) Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan fasih.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

Membantu sepenuhnya kepada Pegawai Rekod-rekod Perubatan untuk bekerja dalam pemungutan, pengumpulan, penyusunan dan maklumat data-data perangkaan dari Rumah Sakit dan Klinik Kesihatan seluruh negara untuk diproses bagi dihadapkan kepada Pengarah Perkhidmatan-perkhidmatan Perubatan.

5) PEGAWAI FOTO KANAN:

A) (Di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan)

(Bilangan Kod: 056 16–313)

B) (Di Jabatan Muzium-Muzium, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan)

(Bilangan Kod: 068 16–313)

**Tanggagaji:** C. 2 EB. 3 — $1450-$2270 sebulan.

**Kelayakan:**

a) i) Higher National Certificate dalam bidang fotografi atau kelulusan yang sebanding dengannya.

ATAU

ii) Dua mata pelajaran Peringkat Lanjutan Sijil Am Pelajaran dan mempunyai 3 tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan dengannya.

ATAU

iii) Empat mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran serta 5 tahun pengalaman dalam kerja-kerja penggambaran.

ATAU

iv) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Jurugambar atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya tidak kurang dari 10 tahun serta berkebolehan dan berkemahiran dalam kerja-kerja penggambaran.

b) Dapat menunjukkan hasil-hasil penggambaran yang baik dan bermutu.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka**

a) Mengetuai cawangan dan bertanggungjawab kepada Ketua Bahagian.

b) Menyelaras dan menyelia kerja-kerja penggambaran.

c) Berusaha meningkatkan mutu penggambaran kakitangan.

d) Mengadakan satu sistem simpanan gambar yang baik dan mudah.

e) Memelihara harta benda Cawangan.

f) Memberi perkhidmatan cawangan yang baik, cepat dan bermutu kepada yang memerlukan.

g) Bertanggungjawab terhadap disiplin dan prestasi kerja kakitangan Cawangan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab di Jabatan Muzium-Muzium:**

a) Akan bertugas di Bahagian Pameran dan Perkhidmatan teknik Jabatan Muzium-Muzium Brunei dalam menyelia kerja-kerja photographic dalam jurusan mengatalog, mendaftar dan memelihara negatif-negatif koleksi Jabatan Muzium-Muzium Brunei.

b) Akan menjadi Pegawai Kanan dalam Bahagian penggambaran dan melakukan semua kerja bidang penggambaran.

6) PENOLONG PENYELIA ARKIB:

(Bilangan Kod: 056 19–129)

(Di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan)

**Tanggagaji:** C. 2 EB. 3 — $1450-$2270 sebulan.

**Kelayakan:**

a) i) Higher National Certificate dalam [illegible] atau kelulusan yang sebanding dengannya.

ATAU

ii) Dua mata pelajaran Peringkat Lanjutan [illegible] Am Pelajaran atau yang sebanding [illegible] serta 3 tahun pengalaman dalam [illegible] Arkib.

ATAU

iii) Empat mata pelajaran (tidak [illegible] pelajaran lukisan) Peringkat Biasa [illegible] Pelajaran atau yang sebanding dengannya [illegible] 5 tahun pengalaman dalam kerja-kerja [illegible]

b) Boleh membaca dan menulis jawi dengan [illegible]

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

a) Mengetuai cawangan dan bertanggungjawab [illegible] Ketua Bahagian.

b) Bertanggungjawab kepada keselamatan [illegible] harta benda Arkib.

c) Berusaha membantu mendapatkan [illegible] Arkib.

d) Menyediakan satu sistem rujukan yang [illegible] mudah.

e) Memestikan perkhidmatan rujukan yang [illegible]

f) Bertanggungjawab terhadap disiplin [illegible] kerja kakitangan.

g) Menyumbangkan penulisan bagi [illegible] Dewan.

**Am:**

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu [illegible] dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas [illegible] kehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau [illegible] bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan [illegible] sedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara [illegible] Darussalam.

**Peringatan:**

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki [illegible] jawatan serta Bilangan Kod yang bertentangan [illegible] tan yang dipohonkan di dalam borang [illegible] Borang permohonan tanpa catatan bilangan [illegible] kenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat [illegible] jaan hendaklah menghantar permohonannya [illegible] Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah [illegible] bersama-sama dengan permohonan ini satu [illegible] satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dihantar dalam dua [illegible] bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati [illegible] bat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara [illegible] salam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan [illegible] sama dengan salinan surat-surat akuan dan [illegible] Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, [illegible] Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara [illegible] salam.

Tarikh tutup: 30 Julai, 1987.

( E/2400/81 )

(Bilangan Pendaftaran: 60/1987)

## PEPERIKSAAN ROYAL SOCIETY OF ARTS BAGI MUSIM AUTUMN (NOVEMBER 1987)

PERSEDIAAN-persediaan sedang dibuat bagi [illegible] Peperiksaan Mata Pelajaran Tunggal (Single [illegible] Society of Arts dalam bulan November, 1987 di [illegible] berikut:

1. Maktab Teknikal Sultan Saiful Rijal, Jalan [illegible] Negara Brunei Darussalam.
2. Sekolah Rendah Delima Satu, Jalan [illegible] Brunei Darussalam.
3. Maktab Anthony Abell, Seria.
4. Sekolah Menengah Perdana Wazir, Kuala [illegible]
5. Maktab Teknikal Jefri Bolkiah, Kuala [illegible]

Di antara Mata Pelajaran yang ditawarkan [illegible] keeping, Accounting, Shorthand, Typewriting, [illegible] English Language, Communicative Use of English [illegible] Language (CUEFL) and Office Practice.

Borang-borang permohonan boleh diperolehi [illegible] Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pelajaran, Negara [illegible] Darussalam sewaktu pejabat dibuka.

Bayaran-bayaran peperiksaan adalah seperti [illegible]

PERINGKAT PERMULAAN

bagi tiap-tiap satu mata pelajaran — [illegible]

PERINGKAT MENENGAH

bagi tiap-tiap satu mata pelajaran — [illegible]

PERINGKAT TERTINGGI

bagi tiap-tiap satu mata pelajaran — [illegible]

BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA ASING:

Peringkat Permulaan — [illegible]

Peringkat Menengah — [illegible]

Peringkat Tertinggi — [illegible]

Bayaran-bayaran peperiksaan hendaklah [illegible] wang tunai atau dengan cek kepada Jabatan [illegible] gara Brunei Darussalam.

Semua borang-borang kemasukan peperiksaan [illegible] isikan berserta dengan bayarannya hendaklah [illegible] Jabatan Peperiksaan, Negara Brunei Darussalam [illegible] Jun, 1987 hingga 16 Julai 1987. Borang-Borang [illegible] yang dihantar lewat dari tarikh yang disebutkan [illegible] dilayan.

## Bolasepak Piala Sultan Hassanal Bolkiah:

# PASUKAN KITA DITEMPATKAN DALAM KUMPULAN SATU

NEGARA Brunei Darussalam diletakkan dalam kumpulan satu bersama-sama dengan Republik Singapura dan Thailand dalam Kejohanan Bolasepak Piala Sultan Hassanal Bolkiah, yang akan berlangsung pada 16 hingga 19 Julai depan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah Berakas.

Penyandang juara tahun lalu Republik Indonesia, diletakkan dalam kumpulan dua bersama-sama dengan Malaysia dan Republik Filipina.

Keputusan tersebut dicapai hasil daripada cabutan undi yang dijalankan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Ahad lepas. Dalam pengundian itu pasukan-pasukan dari negara ASEAN di wakili oleh Duta-Duta Besar dan Pesuruhjaya Tinggi masing-masing ke negara ini.

Mengulas mengenai kedudukan Brunei Darussalam dalam cabutan undian itu, Yang Dipertua BAFA, Pengiran Ali Hassan berkata beliau amat berpuas hati dan berharap semoga pasukan negara akan mencapai kejayaan kali ini.

"Dalam undian yang dijalankan itu tidak ada pasukan pilihan dan jadinya saya amat berpuas hati serta menaruh harapan agar skuad kita akan mencapai kemenangan kali ini."

Juara kejohanan ini akan menerima hadiah wang sejumlah sepuluh ribu ringgit, naib juara akan menerima tujuh ribu ringgit dan tempat ketiga akan menerima sejumlah lima ribu ringgit.

Terdahulu sebelum undian bermula, satu upacara penyerahan Piala Sultan Hassanal Bolkiah dan Piala Pengiran Digadong telah disampaikan oleh Duta Besar Republik Indonesia ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Ferdy Salim kepada Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi, Pengiran Asmalee.

Dalam acara lumba perahu bagi merebut Piala Pengiran Digadong yang akan bermula pada 26 Julai depan, empat acara akan dipertandingkan iaitu acara 10 orang pekayuh, 14 orang pekayuh, 18 orang pekayuh dan 22 orang pekayuh. Kesemua negara-negara ASEAN telah mensahkan penyertaan masing-masing dalam acara-acara tersebut.

Dalam kejohanan yang akan datang kedua-dua kejohanan itu akan diadakan dua tahun sekali bermula pada tahun 1989.



TUAN Yang Terutama Tuan Ferdy Salim, Duta Besar Republik Indonesia menyerahkan Piala Sultan Hassanal Bolkiah kepada Pengiran Asmalee, Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan. — Gambar oleh Pg. Hj. Yaakub.



Kelolaan Jaafar Haji Ibrahim dan Ahat Ismail

# BELIA & SUKAN



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali ketika merasmikan pertandingan akhir Olahraga Pencak Silat di Pusat Belia. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

## Brunei-Muara kuasai Olahraga Pencak Silat

DAERAH Brunei menguasai tujuh dari sembilan kelas, pertandingan akhir olahraga pencak silat peringkat kebangsaan di Pusat Belia malam Rabu yang lepas.

Pertandingan yang berlangsung selama empat malam berturut-turut yang bermula pada 13 Jun lalu mengemukakan pemenang-pemenang dari tiap-tiap Daerah negara ini, kecuali Daerah Temburong yang tidak menyertakan pesertanya.

Dalam perlawanan akhir itu hanya dua peserta saja dari Daerah Brunei yang tewas iaitu Pg. Metali Pg. Daud yang tewas kepada Hassan Tuah dari Daerah Tutong dalam perlawanan kelas 'F'. Empat orang juri memberikan kemenangan kepada peserta Daerah Tutong dan hanya seorang juri saja yang memberikan kemenangan kepada peserta Daerah Brunei itu.

Seorang lagi peserta Daerah Brunei, Awang Hamjan Haji Moksin juga tewas kepada Peserta Daerah Belait, Awang Musa Sulaiman dalam kelas 'C' dengan tiga orang juri memberikan kemenangan kepadanya manakala dua juri yang lain memberikan kemenangan kepada peserta Brunei.

Lain-lain peserta Daerah Brunei yang berjaya ialah Kelas 'A' Edros Hj Mayalin menewaskan Marzani Ramli, Kelas 'B; Roslan Haji Ismail menewaskan Md. Shafee Haji Pungut. Kelas 'D' Zainuddin Hj. Daud menewaskan Ak. Karim Pg. Haji Metassan. Kelas 'E' Pg. Jamaluddin Pg. Mohammad menewaskan Azmi Mahmood. Kelas 'G' Ak Yusof Pg. Daud menewaskan Pg. Norsah Pg. Mohammad. Kelas 'H' Amran Duraman menewaskan Yusof Haji Tengah, manakala dalam kelas bebas dimenangi oleh Rushidi Abdullah.

Sementara itu dalam ucapan pembukaan kejohanan itu, Timbalan Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali menyeru supaya permainan pencak silat itu dikembangkan dan dihidupkan.

"Pencak silat adalah warisan kita yang perlu dipertahankan dan dihidupkan sebagai satu pengenalan yang menunjukan orang-orang Melayu dan bagi kita orang-orang Brunei di rantau ini", jelasnya.

Beliau selanjutnya berharap dengan tertubuhnya persekutuan pencak silat itu setentunya akan menjadi penyambung di masa-masa akan datang.



PEMENANG Kelas 'F' Hassan Tuah menerima pingat kemenangan daripada Penolong Pegawai Daerah Belait Awang Haji Maidin bin Haji Ahmad. — Gambar oleh Harun Rashid.

## Bomba Laut jadi juara

PASUKAN Bomba Laut muncul sebagai juara sukan air kali pertama antara cawangan-cawangan Bomba di seluruh negara yang berlangsung di kawasan lapang Balai Bomba Laut Sungai Lampai pada Sabtu lepas.

Mereka memperolehi sejumlah 13 mata dengan menjuarai acara-acara lumba renang 100 meter gaya kupu-kupu perseorangan, lumba renang 4x100 meter gaya bebas, dan lumba perahu 3x100 meter berganti-ganti, manakala dalam acara-acara lumba perahu 100 meter perseorangan dan tarik kalat menggunakan perahu, mereka menduduki tempat kedua, sementara dalam acara lumba renang 100 meter gaya bebas perseorangan dan menembak target mereka menduduki tempat ketiga.

Tempat kedua disandang oleh Pasukan Bomba Laut Bahagian Pelancar dengan memungut sejumlah 12 mata dengan hanya menjuarai acara-acara lumba perahu 100 meter perseorangan dan tarik kalat menggunakan perahu. Sementara acara lumba renang 100 meter gaya bebas perseorangan, lumba renang 100 meter gaya kupu-kupu perseorangan dan menembak target di tempat kedua.

Jatuh di tempat ketiga ialah oleh Pasukan Bomba Bandar yang hanya memperolehi tempat kedua dalam acara-acara renang 4x100 meter gaya bebas dan lumba perahu 3x100 meter berganti-ganti serta mendapat tempat ketiga dalam acara lumba renang 100 meter gaya kupu-kupu perseorangan.

Lain-lain pasukan yang menyertai sukan air itu termasuklah Pasukan Bomba Bangar, Seria dan Belait.

Timbalan Pengawal Pasukan Bomba, Awang Haji Wahabi Haji Metussin dalam ucapan perasmiannya menyatakan melalui sukan itu setentunya akan memupuk persahabatan dan persaudaraan di kalangan anggota Pasukan Bomba.

Beliau berharap aktiviti-akiviti tersebut akan dapat diusahakan dengan baiknya dan mendatangkan tujuan serta matlamat bagi pasukan tersebut.



TIMBALAN Pengawal Pasukan Bombe, Awang Haji Wahabi sedang menyampaikan piala kepada wakil pasukan Bomba Laut yang menjadi juara. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

# Kejadian di kawasan Pasifik menggugat keamanan ASEAN

Dari muka 1

tindakan tegas dan berkesan bagi menghentikannya," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Duli Yang Teramat Mulia dalam sabdanya juga menarik perhatian tentang kejadian terbaru di kawasan Pasifik yang menggugat keamanan dan keharmonian jika kawasan tersebut dijadikan gelanggang kekuasaan di kalangan pelbagai kuasa-kuasa dunia.

"Kesannya bukan sahaja kepada negara-negara tertentu di Kepulauan pasifik bahkan membawa implikasi serius terhadap keselamatan, keamanan dan kemantapan ASEAN," tegas Duli Yang Teramat Mulia.

Untuk itu, sabda Duli Yang Teramat Mulia kita perlu menumpukan minat yang khusus kepada kejadian di Pasifik Selatan dan membentuk pendekatan-pendekatan bersama terhadap masalah di kawasan tersebut.

Terdahulu dalam sabdanya, Duli Yang Teramat Mulia berkata ASEAN perlu berusaha mempastikan kejayaan sidang puncak ketiga seperti juga halnya kedua-dua sidang puncak yang lalu.

"Kita harus meneliti idealisma dan program-program hasil kedua-dua sidang puncak itu dan mengkaji jika masih bersesuaian sekarang. Kita perlu menilai secara kritikal jika jentera pergerakan ASEAN mencukupi dalam melaksanakan program-program yang dipersetujui," tegas Duli Yang Teramat Mulia.

Duli Yang Teramat Mulia juga bersetuju tentang saranan agar jalinan ASEAN dalam kerjasama ekonomi dijadikan tajuk utama di sidang puncak yang akan datang meskipun masih ada isu-isu yang boleh dipertimbangkan umpamanya ke arah mana matlamat ASEAN dibawa.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika berkenan menerima mengadap Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar New Zealand, Yang Berhormat Tuan Francis D. O'Flynn di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri di sini. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

# Menjamin kejayaan ASEAN berkekalan:

# KEPERLUAN KANAK-KANAK DAN BELIA PERLU DIAMBIL KIRA

Oleh: Dk. Fatimah Pg. Haji Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kepentingan dan keperluan kanak-kanak dan belia-belia yang mengandungi lebih 60 peratus penduduk ASEAN hendaklah diambil kira jika kita hendak menjamin kejayaan ASEAN yang berkekalan dan berterusan.

Hal ini adalah penting kerana mereka itu merupakan nadi kepada sesuatu bangsa dan negara serta sebagai sumber tenaga manusia yang akan mengasuh dan memperkukuh harapan dan impian bangsanya.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Mohd. Daud telah berkata demikian di perasmian mesyuarat kali ke-16 Jawatankuasa Kebudayaan dan Penerangan ASEAN (ASEAN — COCI) pada 22 Jun lepas di Dewan Serbaguna Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan di sini.

Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali juga mengingatkan bahawa sebuah negara yang tidak memperdulikan kesejahteraan dan kebajikan kanak-kanak dan belia-belianya, lambat-laun akan menerima akibat dari kelalaian tersebut.

"Kita bersama-sama berharap permesyuaratan ini akan dapat menghasilkan kejayaan yang dapat dirasai oleh para peserta, pengurus-pengurus atau orang-orang yang dekat berdampingan dengan usaha-usaha jawatankuasa ini, bahkan juga oleh seluruh isi kandungan negara-negara ASEAN dalam semua peringkat," katanya.

Dalam hubungan tersebut, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali menarik perhatian supaya kita jangan hanya kaya dengan rancangan-rancangan tetapi papa dengan daya usaha untuk perlaksanaan apatah lagi bagi mencapai matlamat rancangan-rancangan itu.

Oleh yang demikian katanya, segala rancangan itu kita mestilah berpandukan bidalan Melayu "ukur baju di badan sendiri."

"Perlulah kita mengambil ingatan supaya berusaha sendiri mengikut kemampuan kita di samping berusaha mengembangkan sumber kita sendiri bagi membiayai projek dan rancangan yang kita jalankan itu," katanya.

Mesyuarat kali ke-16 Jawatankuasa Kebudayaan dan Penerangan ASEAN itu dipengerusikan oleh Dato Dr. Mohammad Nor bin Abdul Ghani. Antara agenda mesyuarat termasuklah meneliti rancangan-rancangan kebudayaan dan meningkatkan lagi perkembangannya antara negara-negara ASEAN dan membincangkan mengenai bagaimana membiayai projek dan rancangan COCI mengikut kemampuan negara masing-masing.

Dari muka 1

Hanya dengan sokongan yang penuh dari semua negara anggota kerjasama ekonomi akan berhasil. Kita jangan hanya menumpukan apa yang perlu dalam kerjasama ekonomi tetapi juga mencuba apa yang memungkinkan," tegas Duli Yang Teramat Mulia selanjutnya.

Menurut Duli Yang Teramat Mulia, kita juga harus meninjau kaji kerjasama ekonomi dengan rakan dialog dan negara-negara lain. Di samping itu kita harus menyelaras dan menekankan usaha-usaha yang banyak terhadap pengluasan pemasaran dan sikap liberalisasi dalam penanaman modal dan perdagangan.

"Mekanisamnya perlu dilihat jika mampu mengatasi masalah-masalah, jika tidak mekanisam itu perlu ditingkatkan," sabda Duli Yang Teramat Mulia.



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Mohd. Daud ketika merasmikan Mesyuarat Jawatankuasa Kebudayaan dan Penerangan ASEAN (COCI) kali ke-16. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

## RALAT

TAJUK lawatan Menteri Kewangan Malaysia, Yang Berhormat Encik Daim Zainuddin di muka 1 keluaran Pelita Brunei minggu lalu bukan lawatan rasmi.

# Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar New Zealand mengadap

BANDAR SERI [illegible] — Duli Yang [illegible] Paduka Seri [illegible] dana Wazir [illegible] Wal-Waqar [illegible] Mohamed [illegible] Hal Ehwal Luar [illegible] berkenan [illegible] gadap Timbalan [illegible] Ehwal Luar New [illegible] Yang Berhormat [illegible] cis D. O'Flynn di [illegible] Hal Ehwal Luar [illegible] pada pagi 22 Jun [illegible]

Yang Berhormat [illegible] O'Flynn dan [illegible] orang pegawai [illegible] tiba di negara [illegible] Ahad, 21 Jun [illegible] rangka lawatan [illegible] tiga hari.

Ketibaan Yang [illegible] di Lapangan Terbang [illegible] tarabangsa [illegible] dialu-alukan oleh Yang [illegible] Dato Seri Laila Jasa [illegible] Haji Zakaria [illegible] Mahawangsa Haji [illegible] Sulaiman, Timbalan [illegible] Hal Ehwal Luar Negeri [illegible] Datin, Setiausaha [illegible] Kementerian Hal Ehwal [illegible] Negeri [illegible] jaya Tinggi Negara [illegible] Darussalam ke New [illegible] yang menetap di [illegible] Begawan. Tuan [illegible] Terutama Awang [illegible] Seng serta pegawai-[illegible] kanan Kementerian [illegible] Ehwal Luar Negeri.

Yang Berhormat [illegible] O'Flynn juga telah [illegible] kunjungan [illegible] Timbalan Menteri [illegible] tahanan, Yang Amat [illegible] Pengiran Sanggamara [illegible] Mejar Jeneral Pengiran [illegible] Ibnu bin Pengiran [illegible] Penghulu Pengiran [illegible] Apong dan Timbalan [illegible] Hal Ehwal Luar Negeri [illegible] Mulia Dato Paduka [illegible] Jasa Awang Haji [illegible] Datu Mahawangsa [illegible] Awang Sulaiman.

Manakala Yang [illegible] Tuan O'Flynn [illegible] kunjungan-kunjungan [illegible] naan, isteri [illegible] O'Flynn pula [illegible] aturcara lawatan [illegible] Bimbingan Orang [illegible] Cacat Kampong [illegible] Muzium Brunei di [illegible]



YANG Amat Mulia Pengiran Sanggamara [illegible] Mejar Jeneral [illegible] Ibnu, Timbalan Menteri Pertahanan ketika menerima [illegible] Menteri Hal Ehwal Luar New Zealand, Yang Berhormat [illegible] D. O'Flynn. — Gambar Pg. Bahar PHO.

Diterbitkan oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam.